



# فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.33 | DUHA 6.56 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 24

24 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



## SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025

'Bersatu Mencapai Cita Negara'

## UPACARA PERHIMPUNAN AGUNG HK KE-41 PAMER SEMANGAT KENEGARAAN

Oleh : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan (HK) dilihat sebagai hari yang penuh keberkatan lagi bermakna, melakar sejarah dan ristaan, yang telah dapat mengumpulkan seluruh lapisan penduduk dan masyarakat bagi sama-sama meraikan dan memeriahkan serta mempamerkan semangat patriotik kebangsaan.

Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi melakar sejarah dengan meraikan Sambutan HK Ke-41 yang mana seluruh rakyat dan penduduk berasa kemeriah dan pamer cinta kepada negara, raja, bangsa dan agama berlandaskan falsafah negara, Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

**>> Muka 3**

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3 hingga 5).



## KDNK capai pertumbuhan positif

Oleh : Muhammad Khairulanwar  
Ali Rahman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Akhir-akhir ini, kita sering dihidangkan dengan berita-berita keadaan ekonomi negara. Ini termasuk kenyataan, bahawa terdapat kelemahan dalam usaha kerajaan memajukan sektor-sektor berkepentingan serta menyediakan peluang-peluang bagi peniaga-peniaga rakyat tempatan.

Sesungguhnya, kita tidak menafikan terdapat cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha untuk memajukan dan meningkatkan prestasi ekonomi negara.

Namun demikian, kita juga masih sahaja menghasilkan kejayaan dalam bidang-bidang tertentu yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) termasuk usaha ke arah kepelbagaian ekonomi.

Demikian antara petikan Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, di Istana Nurul Iman, di sini.

**>> Muka 2**



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, di Istana Nurul Iman.

MANISNYA IMAN

"DAN kalau lah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan rasul-rasul kami lalu kami menimpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 96.



## Berita Utama



MESYUARAT Pertama Penubuhan Jawatankuasa Sambutan Jubli Intan

**Muka 14**



MENGUKUHKAN jati masyarakat Islam dalam membentengi ajaran sesat

**Muka 17**



WBC bantu anak yatim, keluarga kurang berkemampuan

**Muka 25**



HOBI menjadi sumber rezeki

**Muka 27**

# KDNK capai pertumbuhan positif

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

>> Muka 1

Menyebut mengenai kepelbagaian ekonomi, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berdasarkan fakta,

bahawa usaha kerajaan telah pun menunjukkan pencapaian positif KDNK dalam sektor bukan minyak dan gas sejak tahun 2017 dengan purata pertumbuhan sebanyak 4.3 peratus setahun.

Ini bermakna, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sektor ini telah meningkatkan sumbangannya kepada KDNK daripada 43 peratus pada tahun 2017 kepada 54 peratus pada tahun 2023. Dalam tempoh pertumbuhan sektor tersebut, yang secara purata didorong oleh sektor industri petrokimia pada kadar 44.5 peratus, diikuti oleh sektor

kewangan sebanyak 5.3 peratus dan sektor perdagangan tempatan sebanyak 3.5 peratus.

"Selain kemajuan berkaitan ekonomi negara, Alhamdulillah, sehingga ke hari ini kerajaan beta masih berupaya untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, keselamatan, prasarana

awam serta keperluan-keperluan asas bagi kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita semua untuk sama-sama meraikan dan memperingati peristiwa bersejarah negara iaitu kemerdekaan NBD yang dicapai pada 1 Januari 1984.

## BERSAMA MENJULANG KEJAYAAN, KECEMERLANGAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Sangat mustahak juga diingat, bahawa sesebuah negara adalah ibarat sebuah rumah besar. Kekuatannya bukan sahaja bergantung kepada tiang dan dinding yang kukuh tetapi juga setiap penghuninya mestilah sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya.

Kejayaan dan kemakmuran negara tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, bahkan setiap lapisan masyarakat mesti turut berperanan sama.

Sebagai warganegara yang baik, tidak siapapun yang boleh berkecuali dalam membangun negara. Banyak atau sedikit sumbangan masing-masing, itulah jasa dan pengorbanan namanya.

Perkara tersebut ditekankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, di Istana Nurul Iman, di sini.

Di samping kita juga memahami, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa setiap pencapaian yang besar memerlukan cita-cita dan usaha yang tidak mengenal luntur. Selagi kita berkongsi cita-cita yang sama, berdiri sebagai satu pasukan dan bekerja keras, maka kita pasti akan dapat menjulang kejayaan dan kecemerlangan.

"Kita juga sedar, dalam menempuh era digital masa kini, setiap pihak khasnya generasi muda perlu merebut peluang dengan melengkapi kemahiran

teknologi terkini. Ini boleh sahaja dilakukan melalui pemikiran yang progresif dan inovatif serta kesungguhan untuk berubah, lalu untuk itu, adalah penting untuk memupuk sikap berdikari sebagai asas meraih kejayaan dalam pembangunan," jelas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menyeru untuk bersama-sama memainkan peranan dalam membina masa depan yang lebih cerah untuk kita hari ini dan generasi yang akan datang. Semoga dengan semangat patriotisme dan perpaduan, kita akan mendapat mencapai wawasan negara yang mampan, maju dan inklusif.

Terdahulu dalam titah baginda, setiap kali tibanya HK, kita bukan sahaja meraikan kemerdekaan, tetapi juga dituntut untuk muhasabah diri. Kita perlu

bertanya kepada diri sendiri : Apakah kita sudah benar-benar memahami erti kemerdekaan?

"Perlu diingat, kemerdekaan bukanlah setakat untuk memperingati detik berlakunya pada setiap tahun. Tetapi perlu juga difahami bahawa kemerdekaan adalah tanggungjawab untuk memelihara perpaduan dan membangun negara menjadi sebuah negara yang aman dan makmur. Oleh itu, eloklah kita merenung : Apakah sumbangan yang telah kita sumbangkan dalam mempertahankan kemerdekaan, serta bagaimanakah pula caranya untuk kita dapat memastikan bahawa kemerdekaan yang telah dan sedang kita nikmati akan terus terpelihara untuk anak cucu kita?" titah baginda.

Sesungguhnya, titah baginda, memahami erti kemerdekaan adalah bermula daripada menghargai pengorbanan mereka yang telah berjuang, dengan kita

pula berganding bahu mengisi kemerdekaan yang ada, tanpa mengira kaum, ugama dan latar belakang.

Dalam mengakhiri titah, baginda suakita ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan ahli-ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 pada tahun ini.

"Tidak lupa juga ucapan penghargaan ditujukan kepada semua lapisan rakyat, termasuk warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang bertugas di dalam mahupun di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, para sukarelawan termasuk belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan irungan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam rahmat, pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Watalala, Amin," titah baginda lagi.

## WAKTU SEMBAHYANG

FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	ISNIN	25	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	SELASA	26	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43
26	RABU	27	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	KHAMIS	28	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.51	6.33	7.43
28	JUMAAT	29	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	SABTU	30	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	AHAD	1 RAMADAN	5.04	5.14	6.32	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN Bandar Seri Begawan	SELASA	RABU
31 °C 25 °C Pekan Bangar	32 °C 25 °C Pekan Tutong	32 °C 25 °C Kuala Belait
31 °C 25 °C Pekan Bangar	32 °C 25 °C Pekan Tutong	32 °C 25 °C Kuala Belait
31 °C 25 °C Pekan Bangar	32 °C 25 °C Pekan Tutong	32 °C 25 °C Kuala Belait
31 °C 25 °C Pekan Bangar	32 °C 25 °C Pekan Tutong	32 °C 25 °C Kuala Belait

Walihaulam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

24 FEBRUARI 2025

### Hari Kebangsaan serlah patriotisme rakyat

SETIAP 23 Februari, negara kita menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) dan pada tahun ini merupakan sambutan kali Ke-41, Tahun 2025. Papan tanda, banner 'Bersatu Mencapai Cita Negara' terpampang di mana-mana di seluruh negara untuk mengingatkan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini Ulang Tahun HK negara yang kita sayangi.

Sambutan Ulang Tahun HK 2025 telah berlangsung kelmarin dengan meriahnya bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Sambutan ini mengingatkan kita bahawa kemerdekaan yang kita kecapai ini adalah satu nikmat yang tidak terhingga yang menjadi asas kewujudan negara kita yang makmur, aman dan bersatu padu.

Apa yang kita lihat semasa sambutan tersebut ialah para belia yang ceria, semangat patriotisme yang tinggi membuat persembahan serta perarakan lalu dan ini adalah suatu yang positif yang perlu dikekalkan pada Sambutan HK pada masa-masa akan datang.

Apa yang hendak disampaikan di sini juga ialah mentaliti dan semangat kalangan belia di negara ini begitu patriotisme dalam Sambutan HK ini. Negara perlu melahirkan lebih banyak lagi belia yang tanpa segan menonjolkan jati diri mereka sebagai anak-anak bangsa Brunei. Sambutan bukan hanya sekadar dalam bentuk 'persempahan' tetapi inilah peluang kita untuk berbakti kepada negara merdeka ini demi pembangunan dan kemajuan.

Malah penghayatan kemerdekaan belia negara kita kini telah banyak berubah kerana dipengaruhi oleh penggunaan teknologi dan media massa. Sesuai dengan ledakan teknologi, media sosial seperti Facebook, Instagram, X dan TikTok telah menjadi platform utama bagi belia untuk menyebarkan serta berkongsi maklumat mengenai kemerdekaan.

Contohnya, penggunaan tanda pagar seperti #HariKebangsaan sering digunakan untuk berkongsi gambar, video dan cerita peribadi yang menggambarkan semangat patriotik.

Impak akhir daripada sambutan sebegini ialah tersematnya semangat patriotisme dan rasa sayang negara dengan semangat jati diri bangsa Brunei yang jitu.

Apa yang diharapkan dalam sambutan ini ialah semangat patriotisme itu jangan hanya berkobar-kobar semasa sambutan sahaja bahkan semangat itu perlu mengisi jiwa kita, minda kita agar kita sedar bahawa kemerdekaan itu bukan hanya dilihatkan sahaja dalam sambutan yang diadakan tetapi semangat itu perlu ada setiap saat, di mana sahaja kita berada.

Anak-anak bangsa, hargailah kemerdekaan negara kita kerana kitalah yang bertanggungjawab untuk mencorakkan negara kita agar negara ini dapat menjadi sebuah negara yang menjadi impian semua orang, mempunyai persekitaran yang kondusif, selamat, aman dan sejahtera untuk didiami serta menjadi kebanggaan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Upacara Perhimpunan Agung HK Ke-41 pamer semangat kenegaraan



>> Muka 1

Semangat itu terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara,

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Ak. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Turut menjunjung keberangkatan tiba ialah Pengurus - pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof;

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 (kiri dan atas).

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dilaungkan sejurus keberangkatan tiba dan setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan



براسو منچاقي چيتانكارا  
Bersatu Mencapai Cita Negara

١٤٢٦ شعبان / 23 Februari 2025

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

>> Muka 4



UPACARA bermula dengan perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 11 ribu peserta yang mewakili 185 buah pasukan dengan didahului oleh Pembawa Bendera NBD berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera - bendera Logo Hari Kebangsaan, ABDB, PPDB, Pasukan Beruniform yang lain, Pasukan Badan Berkanun, Pasukan Sektor Awam dan Pasukan Jabatan Daerah-daerah (atas, atas kiri dan kiri).

ANTARA pelajar yang hadir pada upacara berkenaan (kiri sekali).



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025. Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.**

### >> Muka 3

Upacara bermula dengan perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 11 ribu peserta yang mewakili 185 buah pasukan dengan didahului oleh Pembawa Bendera NBD berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-bendera Logo Hari Kebangsaan, ABDB, PPDB, Pasukan Beruniform yang lain, Pasukan Badan Berkanun, Pasukan Sektor Awam dan Pasukan Jabatan Daerah-daerah.

Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 terus diwarnai dengan persembahan menarik yang pertama iaitu tarian tradisional bertajuk 'Hola Hela' yang mengetengahkan keindahan seni budaya NBD yang kaya dengan warisan tradisi dan nilai patriotisme yang dipersembahkan oleh murid-murid sekolah rendah.

Sementara itu, Pasukan-pasukan Institusi - institusi Pengajian Tinggi, Maktabs-maktab, Sekolah - sekolah, Pasukan Pendidikan Swasta di NBD meneruskan upacara perbarisan berkenaan dengan meriah diikuti dengan persembahan kedua berdurasi selama empat minit yang menggandingkan seramai lapan penyanyi tempatan dengan tajuk

lagu 'Janji Merdeka' dan 'Bersatu Mencapai Cita Negara Darussalam Gemilang'.

Acara terus diserikan dengan upacara perbarisan lalu oleh kumpulan terakhir terdiri daripada Pasukan Orang Kelainan Upaya dan Warga Emas, Pasukan Warga Negara Sahabat, Pasukan Gabungan Persatuan Sukan Kebangsaan, Pasukan Gabungan Institusi Kewangan, Pasukan Gabungan Industri Minyak dan Gas, Pasukan Cemerlang dan Pasukan Tujuh Puak Jati Brunei.

Ikrar HK kemudian dilafazkan, yang dikepalai oleh Pegawai Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Korporat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Zainul Ghazi bin Haji Johari sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

### >> Muka 5



**ANTARA** pasukan yang menyertai perbarisan lalu (atas dan atas kanan). Manakala gambar kanan, orang ramai turut hadir mengibar Bendera NBD. Sementara gambar bawah kanan, Ikrar HK dikepalai oleh Pegawai Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Korporat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Zainul Ghazi bin Haji Johari. Manakala gambar bawah, antara yang menyertai upacara berkenaan.





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ketika berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41.



**ANTARA** pasukan yang menyertai perbarisan berkenaan (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).



#### >> Muka 4

Laungan takbir 'Allahuakbar' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh Pegawai Ugama Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Hafizul Hanif bin Pengiran Haji Md. Hata.

Persembahan bertemakan 'Bersatu Mencapai Cita Negara' dan 'Darussalam Gemilang' melibatkan seramai 7,400 peserta yang mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia - belia yang mewakili sekolah - sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi dengan megah mempermerkahn persembahan tema tahun ini iaitu dengan membawa segenap lapisan masyarakat untuk

menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sebelum berangkat



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 pada tahun ini (atas dan atas kiri).

meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 pada tahun ini.

Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 mengetengahkan tema, 'Bersatu Mencapai Cita Negara', di mana ia memberikan pandangan menyeluruh mengenai semangat kebangsaan, kemerdekaan serta aspirasi pembangunan negara.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan kesejahteraan negara ini di bawah kepimpinan Kebawah DYMM di mana di bawah kepimpinan baginda, NBD berada dalam keamanan dan kesejahteraan di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

# PERSEMBAHAN PADANG SERLAHKAN KEINDAHAN, KEKAYAAN BUDAYA NEGARA



Oleh : Nooratini Haji Abas  
 Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

berkenaan turut menaikkan semangat mereka untuk melakukan persembahan dengan penuh berkobar-kobar.

Persembahan pertama ialah Persembahan Permata, iaitu persembahan tarian tradisional bertajuk 'Hola Hela' yang mengetengahkan keindahan seni budaya NBD yang kaya dengan warisan tradisi dan nilai patriotisme.

Persembahan berkenaan juga menggambarkan semangat cinta akan tanah air yang aman, makmur dan berpaksikan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai asas perpaduan negara.

Malah, gerak tari yang lembut tetapi penuh bertenaga menceritakan keindahan alam NBD, iaitu lautan biru, ladang subur, dan keharmonian rakyatnya. Setiap langkah tarian disusun seiring dengan bait lagu yang melambangkan kesatuan hati dan usaha membangun negara.

Manakala dalam segmen 'Joget Lagu Dua' pula, suasana ceria terserlah melalui gerakan tari yang menggambarkan semangat belia NBD dalam menimba ilmu, meneroka teknologi, dan membentuk masa depan yang gemilang. Persembahan berkenaan bukan hanya sekadar hiburan, tetapi simbol kecintaan mendalam terhadap tanah air NBD.



برساتو منچاچای چیتانکارا  
Bersatu Mencapai Cita Negara  
١٤٤٦ / ٢٤ شعبان ٢٠٢٥

Persembahan pertama yang berdurasi selama empat minit berkenaan disertai seramai 101 peserta lelaki dan 140 peserta perempuan daripada murid-murid sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Ini diikuti dengan persembahan kedua yang berdurasi selama empat minit, iaitu persembahan nyanyian lagu-lagu patriotik (era 80-an) mengikut susunan muzik baharu.

Persembahan kedua berkenaan dipersembahkan oleh lapan penyanyi remaja dan belia dengan tajuk lagu 'Janji Merdeka' dan 'Bersatu Mencapai Cita Negara Darussalam Gemilang'.

>> Mukha 7

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. — Persembahan Permata Bangsa, nyanyian lagu-lagu patriotik dan



persembahan tema memukau hati segenap lapisan masyarakat yang menyaksikan keindahan dan kekayaan budaya negara semasa Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Ketiga-tiga persembahan berkenaan juga sekali gus membangkitkan cinta mereka kepada negara di samping membina dan mengukuhkan lagi identiti serta semangat patriotisme mereka.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke upacara



SUASANA pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 (atas kiri, kiri dan kanan). Sementara gambar bawah, bawah kiri dan bawah kanan, antara persembahan pada upacara berkenaan.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda semasa menyaksikan persembahan pada upacara berkenaan.

#### >> Muka 6

Sementara, persembahan terakhir dihiburkan dengan persembahan tema yang mencuit hati penonton. Persembahan berkenaan mengetengahkan semangat kecintaan mendalam terhadap tanah air, bangsa, raja, dan agama yang berakar dalam jiwa setiap warganegara NBD.

Melalui alunan lagu patriotik, persembahan berkenaan merangkumi nilai kesetiaan, pengorbanan dan tanggungjawab dalam memelihara warisan negara.

Ini diteruskan lagi dengan persembahan lagu 'Bersatu Mencapai Cita Negara' yang

membawa penonton menelusuri aspirasi pembangunan lestari, dengan nilai teras MIB sebagai panduan.

Persembahan diakhiri dengan lagu 'Darussalam Gemilang', yang menekankan kesatuan rakyat, semangat belia, dan penguasaan teknologi sebagai kunci masa depan gemilang.

Persembahan yang berdurasi selama tujuh minit berkenaan disertai seramai 5,000 pelajar sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi, manakala 2,400 peserta lagi mewakili pegawai dan kakitangan kerajaan dan sektor swasta.



**SEKITAR** persembahan pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 yang diraikan dengan penuh kemeriah dan semangat patriotik (atas, atas kanan, kanan, bawah dan bawah kanan).



# KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN HK NBD KE-41



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (atas dan kanan).



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib

Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025 yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ialah paduka - paduka anakanda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut dijunung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd.

Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga menjunjung keberangkatan baginda dan kerabat diraja ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Sejurus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja, Azan Maghrib dilauangkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

>> Muka 9



SEKITAR majlis yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas kiri, kiri dan kiri sekali).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

#### >> Muka 8

Kebawah DYMM berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Ini diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang juga diimamkan

oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim dan seterusnya memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai - ramai dan Doa Kesukuran.

Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun

HK NBD Ke-41, Tahun 2025 juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah masing-masing.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, diadakan di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri;

Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait pula, tumpuan ialah di Masjid

Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria.

Manakala Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, sementara bagi Daerah Temburong, tumpuan ialah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda ketika membaca Surah Yaa Siin (atas), manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara jemaah yang hadir ke masjid.



# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEPUTERAAN EMPEROR JEPUN



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shigeru Ishiba serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-65 bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shigeru Ishiba.



## Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam daripada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan serta Orang-orang Kenamaan Luar Negeri sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025, iaitu di antaranya daripada :

### Ketua-ketua Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.

HIS Majesty King Mohammed VI, Raja Maghribi.

HIS Majesty King Vajiralongkorn Vajiraklaochaoyuhua, Thailand.

Maha Phra Raja HIS Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, Raja Kemboja.



HIS Majesty King Carl XVI Gustaf of Sweden, Raja Sweden.



HIS Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.



HIS Majesty King Harald R. of Norway, Raja Norway.



HIS Majesty Phillippe, Raja Belgium.



HIS Majesty King Willem-Alexander R., King of the Netherlands.

## Ketua-ketua Negara



HIS Majesty King Felipe R., Raja Sepanyol.



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam.



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongloun Sisoulith.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong.



KETUA Majlis Pentadbiran Negara dan Perdana Menteri Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Senior General Min Aung Hlaing.



PRESIDEN Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.



PRESIDEN Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.



GABENOR-Jeneral Australia, Puan Yang Terutama Sam Mostyn, AC.



PRESIDEN Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardani.



PRESIDEN Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin.



PRESIDEN Republik Demokratik Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Anura Kumara Dissanayake.



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.



PEMANGKU Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Choi Sang-mok.



PRESIDENT of the State Affairs of the Democratic People's Republic of Korea, Tuan Yang Terutama Kim Jong Un.



PRESIDEN Republik Turkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.



PRESIDEN Turkmenistan, Tuan Yang Terutama Serdar Berdimuhamedov.



PRESIDEN Republik Bulgaria, Tuan Yang Terutama Rumen Radev.



PRESIDEN Republik Serbia, Tuan Yang Terutama Aleksandar Vucic.

## Ketua-ketua Negara



PRESIDEN Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani.



PRESIDENT of the Swiss Confederation, Puan Yang Terutama Karin Keller-Sutter.



PRESIDEN Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dr. Frank-Walter Steinmeier.



PRESIDEN Republik Poland, Tuan Yang Terutama Andrzej Duda.



PRESIDEN Republik Itali, Tuan Yang Terutama Sergio Mattarella.



PRESIDEN Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Marcelo Rebelo de Sousa.



PRESIDEN Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al Sisi.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Algeria, Tuan Yang Terutama Abdelmadjid Tebboune.



PRESIDEN Republik Seychelles, Tuan Yang Terutama Wavel Ramkalawan.



GOVERNOR General dan Commander-in-Chief Kanada, Puan Yang Terutama Mary May Simon.



PRESIDEN Republik Cuba, Tuan Yang Terutama Miguel Diaz-Canel Bermudez.

## Ketua-ketua Kerajaan



HIS Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi.



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.



PERDANA Menteri Kerajaan Thailand, Puan Yang Terutama Paetongtarn Shinawatra.



PERDANA Menteri Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet.


## Ketua-ketua Kerajaan




PERDANA Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone.



PERDANA Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh.



PERDANA Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Shehbaz Sharif.



KETUA Penasihat Kerajaan Sementara Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Dr. Muhammad Yunus.

## Setiausaha Agung



SETIAUSAHA Agung Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn.



SETIAUSAHA Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Tuan Yang Terutama Hissein Brahim Taha.

# مقر کنلکن اقیکاسی مودہ الیہ جابت ن قرن غن

Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan**

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**

# MESYUARAT PERTAMA PENUBUHAN JAWATANKUASA SAMBUTAN JUBLI INTAN



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar mempengerusikan mesyuarat berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Yang

Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, pagi tadi mempengerusikan bersama Mesyuarat Pertama Penubuhan Jawatankuasa Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta Tahun 2027, yang berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Penggerusi Bersama.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap di JPM; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM.

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara semasa menyampaikan sabda alu-aluannya antara lain menzahirkan ucapan tahniah atas pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Sektoral bagi Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta dan seterusnya akan rasa penuh yakin dengan kepakaran

serta pengalaman ahli masing-masing dalam mengungkayahkan majlis besar lagi penuh bersejarah dalam memastikan kesempurnaan dan pelaksanaan Sambutan Jubli Intan nanti.

Mengimbas kembali kepada Istiadat Perkahwinan Diraja pada 2024, Yang Amat Mulia menyatakan harapan agar pengalaman dan pembelajaran daripada pengendaliannya akan juga dapat dijadikan sandaran kepada memantapkan lagi tadbir urus kepada pelaksanaan Sambutan Jubli Intan yang teratur dan sempurna.

Mesyuarat didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan sesi penerangan mengenai struktur dan keahlian Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Intan dan Jawatankuasa Sektoral Sambutan Jubli Intan termasuklah perbincangan

mengenai dengan keperluan bagi perancangan dan pelan tindakan di bawah Jawatankuasa Sektoral masing-masing.

Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia 60 Tahun Menaiki Takhta pada 2027 akan menjadi satu peristiwa yang bersejarah kerana semua lapisan

rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan diberi peluang sekali lagi untuk sama-sama meraikan pencapaian Kebawah DYMM sepanjang pemerintahan baginda sebagai raja yang berdaulat dan prihatin terhadap kesejahteraan dan keamanan rakyat dan negara.



SEBAHAGIAN yang hadir pada mesyuarat tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-174 diadakan pada petang tadi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bersempena memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Munajat Khas berkenaan disemarakkan lagi dengan penyertaan beramai-ramai secara maya oleh para guru dan pelajar daripada sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah swasta di seluruh negara dan juga warga kerja KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman dari Surau Kementerian Pendidikan.

Diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU, Pengiran Haji Md. Jeffry bin Pengiran Haji Ahmad, yang juga Ketua Guru Ugama dari Sekolah Rendah Tungku.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Muhammad Zainuddin Shah bin

Talip, dari Surau Kementerian Pendidikan.

Munajat Khas berkenaan juga diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Generasi Al-Muhsinun' disampaikan oleh Penolong Ra'es III, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Tazkirah beliau antara lain menjelaskan, Al-Muhsinun berasal daripada perkataan Arab, iaitu 'Ihsan' yang bermaksud melakukan sesuatu dengan penuh keikhlasan, kebaikan dan kesempurnaan.

Menurutnya lagi dalam Islam, generasi Al-Muhsinun merujuk kepada golongan yang bukan sahaja beriman dan berilmu tetapi juga mengamalkan kebaikan dalam setiap aspek kehidupan mereka.

Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi seterusnya menambah, adapun ciri-ciri generasi

Al-Muhsinun ialah memiliki keimanan yang kukuh, mengamalkan ihsan dalam kehidupan, bersikap pemurah dan suka membantu orang lain, berakhhlak mulia dan menjaga hubungan dengan manusia, menjadi pekerja yang amanah dan berintegriti, serta sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri adalah penting membangunkan generasi Al-Muhsinun bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan berakhhlak, meningkatkan kualiti dan



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Pendidikan mengadakan Munajat Khas bersempena memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

kecekapan kerja, menjadi contoh kepada generasi akan datang dan mendapat keberkatan dan rahmat Allah.

"Allah Subhanahu Wata'ala menyayangi hamba-Nya yang berbuat ihsan dan sentiasa memberi ganjaran kepada mereka di dunia dan akhirat," ujarnya lagi.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Program diteruskan dengan bacaan Asma Al-Husna beramai-ramai yang dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, JPI, KHEU, Awang Mohamad Shahron Naim, yang juga Ketua Guru Ugama Sekolah Rendah Sinaut.

Munajat Khas diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, JPI, KHEU, Awang Muhammad Wajdi bin Haji Ahmad, yang juga Ketua Guru Ugama Sekolah Rendah Pantai Berakas.

## Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

### Daerah Belait

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BELAIT**, Sabtu, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 Masihi diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

Di Daerah Belait, tumpuan majlis kesyukuran tersebut berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat

Darussalam Ke-41, dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiro Hafidzin bin Haji Muhammad; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Belait.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh imam masjid tersebut, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

Sementara itu, bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh imam masjid tersebut, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud, manakala bacaan Doa Kesyukuran sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

### Daerah Tutong

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

**TUTONG**, Sabtu, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 diadakan lewat petang tadi di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Di daerah ini, tumpuan utama adalah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof.

Kemudian disusuli dengan Sembahyang Sunat Ba'diah dan Sembahyang Sunat Hajat.

Sejurus itu, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Waiz bin Tajuddin dan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 ini juga turut diadakan di beberapa buah masjid lain di negara ini dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Manakala di Daerah Belait pula diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan di Daerah Temburong diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Acara keagamaan ini diadakan antara lain bertujuan bagi merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana kita dapat hidup dalam sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

**TEMBURONG**, Sabtu, 22 Februari. - Para jemaah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menadah tangan berdoa,

bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-41 tahun ini, memohon, supaya Tuhan kami kekalkan negara kami, seperti mana yang dimashyurkan oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk selama-lamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Harris Hamdillah bin Haji Masri pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong menzahirkan, "Mohon ya Allah supaya menjadikan kami dan seluruh rakyat negara ini bersatu padu dan istiqamah dalam mendukung dan menyokong pemasyhuran

baginda itu".  
Dalam doa selanjutnya memohon supaya diberkati kemerdekaan negara kami, dengan seluruh generasi sumbang - menyumbang mendokong, menanai dan mengisinya dengan bakti suci berupa khidmat membangun, memelihara dan mempertahankannya.

"Mohon supaya disatukan semangat dan hati-hati kami, diluruskan jalan menuju keselamatan dan kemakmuran, dihiasi dengan keberkatan rahmat yang berpanjangan, yang dinikmati oleh negara, khasnya oleh raja kami yang kami kasih dan oleh rakyat serta penduduk sekalian".

Hadir bagi mengimarakahkan Majlis Kesyukuran kali ini di sini ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Sejurus Azan Maghrib berkumandang pada jam 6.34 petang, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dilakukan dan diimamkan oleh Imam masjid

berkenaan, Awang Norezam bin Haji Zaini yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah selepas itu.

Acara kemudiannya terus diamarahkan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

NBD sememangnya meraikan Sambutan Ulang Tahun HK tanggal 23 Februari justeru rakyat serta penduduk bumi Permata Hijau tidak ketinggalan untuk ikut sama melibatkan diri dalam sama-sama menyemarakkan lagi sambutan yang diadakan di Daerah Brunei dan Muara sebagai tumpuan utama bagi keempat-empat daerah bersatu dalam menjayakan lagi upacara setahun sekali.

Tema sambutan kemuncak acara yang akan diadakan esok di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien kali ini mengetengahkan 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

# PERKUKUH KOMITMEN BERSAMA KE ARAH JALAN RAYA LEBIH SELAMAT

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 22 Februari. - Persidangan Menteri-menteri Global mengenai Keselamatan Jalan Raya Kali Keempat telah diadakan di Marrakech, Kerajaan Maghribi dari 18 hingga 20 Februari 2025.

Mesyuarat itu didahului dengan Forum Ikrar Peringkat Tinggi Dana Keselamatan Jalan Raya Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (United Nations Road Safety Fund High-Level Pledging Forum) yang diadakan pada 17 Februari 2025 di tempat yang sama.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada kedua-dua acara tersebut ialah

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam kapasiti Yang Berhormat sebagai Ahli Lembaga Penasihat Dana Keselamatan Jalan Raya Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNRSF) mewakili rantau Asia - Pasifik bagi penggal 2025-2026.

Persidangan Menteri-menteri Global mengenai Keselamatan Jalan Raya Kali Keempat itu berakhir dengan menerima pakai Deklarasi Marrakech, satu deklarasi komprehensif yang bertujuan untuk mengukuhkan komitmen antarabangsa terhadap jalan raya yang lebih selamat dan seruan global untuk tindakan mengurangkan jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya. Ia

juga berfungsi untuk menyokong lagi Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Dekad Tindakan PBB untuk Keselamatan Jalan Raya 2021-2030, sasaran mengurangkan separuh kematian jalan raya di seluruh dunia menjelang 2030.

Pengisytiharan itu memperakui bahawa sehingga kini, hanya 10 negara telah mencapai matlamat dekad pertama dengan mengurangkan kematian sebanyak 50 peratus dari 2010 hingga 2021. Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah antara 10 negara yang disebutkan.

Di sebalik pencapaian ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyebut bahawa satu kemalangan maut di jalan raya kekal sebagai terlalu banyak untuk negara dan kadar pengurangan telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Oleh itu, dorongan dan usaha yang diperbaharui mesti dilakukan untuk mengelakkan kemalangan dan mengurangkan jumlahnya. Tumpuan akan diberikan kepada usaha pengurusan kelajuan. Ini meliputi tingkah laku pemandu dan pematuhan kepada had laju, penguatkuasaan dan aspek infrastruktur jalan raya.

Strategi baru dan penggunaan teknologi juga akan diperlukan dan dalam masa yang sama terus membina berdasarkan langkah yang terbukti dan berkesan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Pengangkutan dan Logistik, Kerajaan Maghribi, Tuan Yang Terutama Abdessamad Kayouh.

Kedua-dua menteri bertukar



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Persidangan Menteri-menteri Global mengenai Keselamatan Jalan Raya Kali Keempat yang diadakan di Marrakech, Kerajaan Maghribi dari 18 hingga 20 Februari 2025 (atas dan kiri).

pandangan dan membincangkan cara untuk meningkatkan kerjasama pengangkutan antara kedua-dua negara dan menyatakan komitmen bersama mereka untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam sektor pengangkutan.

Mengiringi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar bersama-sama Pegawai Kanan MTIC.

Sebagai sebahagian daripada delegasi NBD, Ketua Bahagian Keselamatan Pengangkutan di MTIC dan Urus Setia Majlis Keselamatan Jalan Raya

(MKKJR) NBD, Dayang Najeebah binti Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman telah mengambil bahagian sebagai panel dalam sesi 'Beyond Emergency Care: Strengthening Post-Crash Response, Protection, and Rehabilitation for Road Victims'.

Beliau menekankan kepentingan kerjasama merentas sektor dalam meningkatkan penjagaan selepas kemalangan dan berkongsi pendekatan holistik NBD melalui MKKJR, yang menghimpunkan orang awam, swasta dan pihak berkepentingan NGO untuk mengukuhkan langkah keselamatan jalan raya dan memberi sokongan kepada mangsa kemalangan.

## Konvoi tingkatkan semangat cintakan tanah air

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan acara pelepasan Aktiviti Konvoi (atas), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat semasa sesi bergambar ramai.

**BERAKAS**, Ahad, 23 Februari. - Ahli Kelab Benzer Brunei Darussalam mengadakan Aktiviti Konvoi sempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-41 bagi Tahun 2025, petang tadi.

Aktiviti Konvoi tersebut bermula

dari Kawasan Letak Kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah menuju ke Daerah Temburong. Sebanyak 25 buah kenderaan jenama Mercedes Benz dan BMW bergabung untuk menyertai aktiviti tersebut.



Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan acara perlepasan Aktiviti Konvoi tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai.

Juga hadir, Yang Dipertua Kelab Benzer Brunei Darussalam, Awang Abusophian bin Haji Ismail dan Yang Dipertua Persatuan Pasukan Generasi Bimmer (BIMMERT), Awang Mohd. Effandy Ali bin Haji Rosli.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz dalam

ucapannya menjelaskan, menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun HK merupakan tanggungjawab yang perlu kita lakukan bagi menggambarkan semangat patriotik dan ia bukan hanya sekadar mengibarkan bendera kebangsaan tetapi lebih dari itu.

Menurut Yang Berhormat, ini termasuklah mengadakan kegiatan yang mampu menghidupkan semangat setia kawan, kerjasama dan bersatu padu ke arah melahirkan generasi yang berawaswasan seperti aktiviti

konvoi berkenaan.

Yang Berhormat juga menambah bahawa aktiviti itu sewajarnya perlu diperluaskan dan diteruskan sebagai usaha berterusan ke arah menyumbang kepada kemajuan sosial dan kemasyarakatan yang positif.

Aktiviti Konvoi tahunan itu bertujuan untuk meningkatkan serta menanamkan kesetiaan, semangat cintakan negara dan tanah air serta mengerakkan tali silaturahim sesama ahli kelab di samping memupuk kerjasama dan setia kawan dengan lebih mantap.

# MENGUKUHKAN JATI MASYARAKAT ISLAM DALAM MEMBENTENGI AJARAN SESAT



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan** hadir selaku tetamu khas pada Ceramah Khas Fatwa Mengenai Isu Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada ceramah berkenaan.

**BERAKAS**, Sabtu, 22 Februari. - Dalam usaha mengukuhkan lagi pemahaman masyarakat Islam di negara ini mengenai ajaran Islam berdasarkan kepada kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyah serta Fiqh Mazhab Syafii' di samping sebagai wadah untuk mengukuhkan jati diri masyarakat Islam dalam membentengi mereka daripada



pengaruh ajaran-ajaran salah dan sesat, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengendalikan Ceramah Khas Fatwa Mengenai Isu Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Mufti Kerajaan,

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan para jemputan khas.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengurus Bersama Majlis yang antara lain menyatakan bahawa intoleransi dan pemahaman agama yang salah berkenaan, perlulah dikekang dengan sesegeranya apatah lagi perkara yang berkaitan dengan akidah umat Islam yang sewajarnya dipelihara setiap masa dan tidak boleh dipandang ringan, mesti ia dicegah dan ditangani dengan berhati-hati kerana jika tidak dipeduli dengan bijak, ia akan mengganggu keharmonian masyarakat dan bahkan mengancam keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

"Semua pihak hendaklah sentiasa sama-sama mendukung kepentingan negara dalam memainkan peranan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dengan usaha-usaha untuk meninggikan syiar Islam," ujarnya.

Seterusnya, Ceramah Khas Fatwa mengenai Isu GISBH disampaikan oleh Penolong Mufti

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

(Ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah, yang antara lain menghuraikan tentang isu mengandungi ajaran-ajaran salah dan sesat termasuk keyakinan dan amalan kumpulan GISBH, iaitu mempercayai pengasas jemaah al-Arqam, iaitu Ashaari bin Muhammad yang telah meninggal dunia pada 2010 tidak mati sebaliknya hanya ghaib, meyakini bahawa asy-Syaikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi adalah Imam al-Mahdi al-Muntazhar, melaksanakan Sembahyang Jamak setiap hari dengan alasan dalam perjuangan Fi Sabillillah dan dakwaan bahawa Sembahyang Jumaat tidak wajib kerana belum tertegak Kerajaan Imam al-Mahdi.

Program dihadiri oleh para pemimpin di peringkat akar umbi termasuk penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, warga Perkhidmatan Awam, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Ahli-ahli Dewan Perniagaan, pemimpin-pemimpin belia, siswa dan siswi Institusi-institusi Pengajian Tinggi, serta badan-badan berkanun serta persatuan-persatuan bukan kerajaan.

Program Ceramah Khas Fatwa Mengenai Isu GISBH adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah yang menyarankan supaya masyarakat beragama Islam di



**PENOLONG Mufti (Ifta')**, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah menyampaikan Ceramah Khas Fatwa.

negara ini sentiasa beringat dan menanamkan dalam minda dan jiwa bahawa pegangan agama yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan hendaklah terus diperkuh, dipegang erat sampai bila-bila dan dijadikan sebagai kubu atau benteng pertahanan daripada sebarang bentuk aliran lain demi memelihara keselamatan masyarakat serta menyeru semua golongan dan peringkat lapisan masyarakat yang menganut agama Islam di negara ini untuk terus mendukung dan mengamalkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan hidup.

Program berkenaan juga sebagai usaha bagi menyampaikan, memperingatkan dan membetulkan mana-mana akidah yang salah dan sesat khususnya berkaitan dengan GISBH yang telah diharamkan kerana terbabit dengan jenayah ke atas kanak-kanak dan mengamalkan amalan terpesong.

## 35 keluarga asnaf mualaf terima sumbangan Projek Fathul Barakah



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara** hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Projek Fathul Barakah 6.0 bagi mualaf di Ulu Pendalaman Daerah Belait yang diadakan di Masjid Al-Mashor Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat (atas dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah**

**BELAIT**, Sabtu, 22 Februari. - Projek Fathul Barakah 6.0 diungkayahkan sebagai satu sarana dakwah dalam memeduli kesejahteraan kehidupan para asnaf mualaf di samping membantu untuk meringankan beban saudara-saudara baruah dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan

Ramadan yang akan tiba. Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Projek Fathul Barakah 6.0 bagi mualaf di Ulu Pedalaman Daerah Belait diadakan di Masjid Al-Mashor Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis, Ahli Majlis Mesyuarat



Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama, Awang Abdul Khalil bin Kamree.

Acara diteruskan dengan penyerahan sumbangan Projek Fathul Barakah 6.0 yang

disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada 35 buah keluarga yang tinggal di kawasan Ulu Pedalaman Daerah Belait.

Projek Fathul Barakah 6.0 bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1446 Hijrah adalah juga bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai sama-sama memberikan infak jariah kepada asnaf mualaf yang memerlukan.

Di kesempatan ini, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah ingin merakamkan penghargaan atas sumbangan yang menggalakkan dan seterusnya menjayakan projek tersebut.

Semoga di atas sumbangan yang dihulurkan mendapat keberkatan dan beroleh ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'alaa.

# LAFAZ IKRAR SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, CINTAKAN RAJA, NEGARA

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali, Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Nurhamiza Haji Roslan, Ihsan Dr. Kharhan Haji Jait



PENOLONG Profesor Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Kharhan bin Haji Jait.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Bacaan ikrar merupakan satu tugas yang harus dilaksanakan sejak negara menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) pada tahun 1984 dan sehingga kini ia akan tetap dibaca sebagai tanda kesyukuran dan janji kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada raja kita.

Setiap ungkapan yang dilafazkan di dalam pembacaan ikrar setentunya dapat memberi inspirasi kepada semua khususnya generasi belia dan membakar semangat untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pegawai Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Korporat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Zainul Ghazi bin Haji Johari selaku Pembaca Ikran Utama pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK Ke-41 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, melahirkan rasa syukur kerana menyertai Pasukan Pembaca Ikran yang telah banyak menyuntik semangat patriotisme di dalam dirinya dan ini merupakan satu penghormatan yang sangat tinggi.

"Alhamdulillah saya merasa sangat terharu dan berbangga apabila diamanahkan menjadi pembaca utama tahun ini tetapi saya sedar ia memikul satu

tanggungjawab yang besar. Namun demikian, latihan gigih yang dilakukan dapat membantu saya untuk memberikan pembacaan ikran yang mantap," jelasnya.

Menyentuh mengenai persediaan, beliau menyatakan latihan pembacaan ikran telah dijalankan selama sebulan lebih. "Dalam melakukan persediaan ini, saya telah menjalani pelbagai latihan vokal intensif, hafalan dan penghayatan teks. Selain itu, saya juga belajar dengan menonton dan mendengar bacaan-bacaan daripada pembaca yang dahulu serta meminta bimbingan rapat dari jurulatih-jurulatih pasukan ikran," ujarnya.

Pada tahun ini, katanya, seramai 45 peserta dipilih untuk menyertai Pasukan Pembaca Ikran yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam serta wakil-wakil dari sektor swasta.

Bagi salah seorang peserta wanita iaitu Pegawai Pendidikan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Syazana Akmal binti Ahmad Al-Shokry selaku Pendamping Pembaca Ikran berkata bahawa ini merupakan satu pengalaman yang mencabar namun membanggakan kerana bukan sahaja memerlukan keyakinan diri yang tinggi tetapi juga semangat patriotisme yang mendalam.

"Saya akui, perasaan gementar turut hadir tetapi lebih daripada itu, saya berasa teruja dan berbesar hati untuk melaksanakan amanah ini dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab," tambahnya.

Menyentuh mengenai kemerdekaan, beliau berkata sebagai rakyat yang setia, kita harus terus memperkuuhkan perpaduan, mempertahankan warisan Melayu Islam Beraja (MIB) serta memastikan NBD terus berkembang dalam era globalisasi tanpa mengabaikan identiti dan jati diri kita.

"Sambutan Ulang Tahun HK Ke-41 ini adalah satu detik yang harus kita raikan dengan penuh

kesyukuran, sebagai bukti kepada kecekalan, perpaduan dan kegigihan rakyat Brunei dalam membangun sebuah negara yang berdaulat dan dihormati.

"Semoga kita semua terus berusaha mencapai kecemerlangan, memacu kemajuan dan mengekalkan kesetiaan serta cinta kita kepada tanah air tercinta. Dengan keazaman dan iltizam yang kukuh, marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan demi masa depan yang lebih gemilang untuk NBD," jelasnya.

Bagi salah seorang pembaca ikran iaitu Pegawai Perpustakaan, Awangku Yura Muhammad Iqbal bin Pengiran Haji Yura Mohd. Abai pula menyatakan bahawa menyertai Pasukan Pembaca Ikran ini merupakan satu kehormatan dan tanggungjawab bagi mewakili kementerian mahupun jabatan dan agensi masing-masing.

"Saya berasa gembira dapat ikut serta dan dicalonkan sebagai ahli membaca ikran di Sambutan HK Ke-41 yang penuh simbolik dengan cerminan sumbangan dan haluan generasi berwawasan, amanah dan titih kepada garis kehidupan dengan calak kebruneian," jelasnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, semasa sesi uji bakat bagi kemasukan Pasukan Pembaca Ikran, peserta hendaklah menghayati inti pati bacaan ikran tersebut supaya dapat mengaplikasikan suara dengan penuh fokus sehingga nada suara kedengaran dan teks turut dihayati oleh peserta dan ahli panel.

Ini adalah antara nasihat yang dapat dikongsikan bagi mana-mana rakyat yang minat untuk menyumbangkan laungan suara bagi tekad dalam ikran hari kebangsaan yang akan datang.

Menyentuh mengenai cabaran, Awangku Yura

Muhammad Iqbal menyatakan cabaran yang dihadapi sepanjang latihan adalah pengurusan masa. Ini kerana lazimnya penggunaan masa telah berubah daripada kehidupan harian kepada menumpukan masa, tenaga dan komitmen sebagai peserta ikran untuk turut menjayakan Sambutan HK yang menjelang tiba.

Dalam mengakhiri temu bual, beliau menyatakan Hari kebangsaan adalah suatu detik bagi bangsa *kitani* di NBD untuk mensyukuri nikmat Allah kerana dipilih untuk bermastautin di bumi negara yang bertuah, makmur dan kekal berdaulat.

"Setiap tanggal 23 Februari sudah jadi satu peringatan bagi rakyat sejagat untuk bersama-sama menjaga kemakmuran dan kemerdekaan negara yang tidak akan putus dari setahun ke setahun," jelasnya.

Berucap mengenai persiapan pula, Penolong Profesor Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Kharhan bin Haji Jait juga selaku Penyelaras Bersama Jawatankuasa Pembacaan Ikran HK NBD Ke-41 menjelaskan setelah menubuhkan Jawatankuasa Pembacaan Ikran, pihak Ahli Jawatankuasa (AJK) mengedarkan jemputan kepada kementerian-kementerian dan Government Link Company (GLC) serta Majlis Belia dan pertubuhan beruniform

dengan prasyarat yang telah ditentukan bagi mencalon peserta ikran untuk dinilai dalam sesi uji bakat pembacaan ikran yang telah bermula pada bulan Disember 2024 lagi.

Antara cabaran yang dihadapi semasa persiapan tersebut itu juga, ujarnya pihak AJK perlu menunggu



**PEGAWAI** Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Korporat Bank Islam Brunei Darussalam, Awang Zainul Ghazi bin Haji Johari selaku Pembaca Ikran Utama dan Pegawai Perpustakaan, Awangku Yura Muhammad Iqbal bin Pengiran Haji Yura Mohd. Abai (kiri dan kanan).

senarai nama peserta yang dicalonkan untuk sesi uji bakat (*audition*) pembacaan ikran dari kementerian dan GLC serta Majlis Belia dan pertubuhan beruniform.

Selain itu, calon-calon juga berhalangan untuk hadir di sesi uji bakat kerana komitmen masing-masing dan calon yang dicadangkan tidak memenuhi kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam surat jemputan. Antara kriteria bagi calon pembaca ikran yang dicalonkan pula jelasnya, secara umum ialah pencapaian akademik; sumbangan peringkat antarabangsa, kebangsaan dan persatuan serta pencapaian kegiatan belia.

Beliau seterusnya menyatakan HK NBD merupakan momen penting yang meningkatkan semangat kekitaan NBD, kesatuan dalam bernegara, semangat patriotisme. Setiap sambutan pada 23 Februari, mendidik rakyat untuk mengenang sejarah perjuangan kemerdekaan, menghargai pencapaian negara, dan memperbaharu komitmen untuk terus berusaha dengan gigih, jujur lagi amanah pada meningkatkan kemajuan dan kemakmuran negara ini.



**PEGAWAI** Pendidikan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Syazana Akmal binti Ahmad Al-Shokry.

## NBD terus dilimpahi kemakmuran, kesejahteraan



DAYANG Fauziah binti Haji Bakar.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Ke-41 merupakan masa yang sesuai untuk rakyat juga penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan semangat patriotik, cinta dan kasih sayang kepada negara dengan perasaan penuh bangga.

Sehubungan itu, Pelita Brunei

berkesempatan menemu bual beberapa penduduk dari Daerah Brunei dan Muara yang menghadiri Sambutan HK Ke-41 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menyaksikan Upacara Perhimpunan Agung sambutan berkenaan.

Dayang Fauziah binti Haji Bakar dari Kampung Pangkalan Sibabu berkata bahawa sambutan pada tahun ini amat meriah sekali dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja yang lain dan seterusnya berkenan bercemar duli bersama rakyat dan penduduk bagi sama-sama meraikan Sambutan

Ulang Tahun HK Ke-41.

Beliau amat bersyukur atas pencapaian kemerdekaan NBD yang begitu ketara sekali terutama dari segi kemajuan negara seperti perkembangan pembangunan, pendidikan, kesihatan dan teknologi maklumat di negara ini.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ulang Tahun HK Ke-41, semoga NBD akan terus dilimpahi kemakmuran dan kesejahteraan di bawah kepimpinan raja *kitani*," tambahnya.

Sementara itu, bagi Dayang Siti Faizahanish binti Awang Mahani dari Kampung Rimba berkata bahawa perkembangan yang telah dikehendaki selama empat dekad ini, NBD telah mencapai kemajuan yang amat ketara sekali.

Beliau turut berharap agar para

dan berusaha meraih kecemerlangan dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

Pada kesempatan itu juga, beliau melahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan rahmat yang berpanjangan kerana dengan nikmat itu rakyat dan penduduk di bumi bertuah ini dapat hidup dengan suasana aman, makmur dan sejahtera tanpa gangguan daripada anasir-anasir luar yang menggugat kestabilan negara.

Beliau seterusnya berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana diberikan kemudahan yang percuma seperti pendidikan dan perubatan.

Manakala bagi Dayang Hajah



**DAYANG** Siti Faizahanish binti Awang Mahani dan Dayang Hajah Siti Azizah Tahirah binti Haji Ramli (kiri dan kanan).

Siti Azizah Tahirah binti Haji Ramli pula semasa ditemu bual menyatakan bahawa belia yang berdaya saing dengan berpegang kepada nilai-nilai keluhuran bangsa Melayu adalah bersendikan dengan ajaran agama Islam.

# ZAHIR RASA TERUJA, BANGGA DENGAN PENGLIBATAN DALAM PERBARISAN

Berita dan Foto : Nurhamiza Haji Roslan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi melakar sejarah tersendiri dengan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Ke-41, Tahun 2025 dengan penglibatan seluruh rakyat dan penduduk negara ini sebagai tanda rasa cintakan negara, raja, bangsa dan agama berlandaskan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Tema Sambutan Ulang Tahun HK NBD pada tahun ini ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Dalam pada itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa peserta yang terlibat dengan perbarisan pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

Dayang Nurfarah Aliaa binti Haji Suhaimi, penuntut dari Universiti Teknologi Brunei (UTB), mengambil Kursus Bachelor of Business (Hons), Major in Applied Economics and Finance mengongsikan perasaan bangga dan pada waktu yang sama teruja kerana dapat mengikuti perbarisan sempena Upacara Perhimpunan Agung HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

Menurutnya, dia juga merupakan seorang advokat dan juga sukarelawan belia yang aktif mengikuti program-program belia anjuran ASEAN dalam dan luar negara terutama sekali program - program yang mengetengahkan isu-isu berkaitan transformasi digital dan Kecerdasan Buatan (AI).

"Selain itu, saya juga merupakan sukarelawan belia untuk program-program belia anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Majlis Belia

Brunei.

"Dalam melibatkan diri dalam aktiviti atau program kesukarelawanan adalah penting dan banyak manfaatnya terutama sekali untuk para belia," jelasnya.

Dayang Nurfarah Aliaa seterusnya berkata, ia boleh membuka minda dan mata kita kepada realiti kehidupan di luar selain memberi peluang untuk kita menyumbang pertolongan, berkongsi pengalaman dan apa-apa peluang untuk membina jati diri.

Dengan melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawanan tambahnya, kita akan juga belajar untuk bersyukur dengan apa yang kita ada.

Menurutnya lagi, melibatkan diri dengan program advokasi belia dan juga kesukarelawanan, ini adalah cara untuk menyumbang kepada negara.

"Kita perlu bersyukur, negara kita mempunyai falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), melalui program-program belia dan kesukarelawanan yang disertai, saya cuba mempromosi negara dan bagaimana konsep MIB memainkan peranan dalam menyemai perpaduan di negara kita," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan, melalui program-program belia ASEAN yang diikutinya, secara tidak langsung dapat mempromosi budaya dan keunikan NBD kepada negara-negara lain.

Sementara itu, Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don pula berkata, perbarisan sempena Upacara Perhimpunan Agung HK NBD Ke-41 berkenaan disertai seramai 40 orang Pertubuhan WARGAMAS.



Beliau menzahirkan rasa syukur kerana ahli-ahli pertubuhan diberi peluang untuk ikut serta dalam perbarisan berkenaan.

Awang Haji Abu Bakar seterusnya menjelaskan, warga emas tetap masih boleh menyumbang kepada masyarakat dan merupakan aset penting bagi negara.

"Kami sangat berbangga dapat mengikuti Upacara Perhimpunan Agung Sambutan HK NBD Ke-41 tahun ini.

"Ini bukanlah kali pertama kami ikut serta kerana ahli-ahli kami telah mengikuti acara-acara perbarisan sempena HK sejak 2018 lagi," ujarnya.

Beliau serta Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS mendoakan agar NBD akan sentiasa aman makmur dan dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala serta menzahirkan harapan agar orang ramai akan kekal menyantuni warga emas serta menghargai sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara.

Manakala, Dayang Norsuzanna

YANG Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don bersama Ahli Pertubuhan WARGAMAS.



DAYANG Norsuzanna binti Haji Tamin bersama rakannya semasa menyertai perbarisan.

binti Haji Tamin, salah seorang peserta perbarisan mewakili Jabatan Daerah Belait pula berkata, beliau berasa sangat bangga kerana dapat ikut serta perbarisan sempena Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 tahun ini dan mengongsikan tahun ini merupakan kali keenam beliau mengikuti perbarisan.

Dayang Norsuzanna seterusnya menjelaskan bahawa beliau berasa

teruja kerana diberi peluang lagi untuk melibatkan diri dalam Sambutan HK kerana ini adalah masanya untuk menunjukkan semangat cinta negara.

"Saya bangun seawal jam 3.00 pagi untuk bersiap dan memulakan perjalanan dari Kuala Belait ke Bandar Seri Begawan bersama dengan rakan-rakan sepejabat.

"Saya mendoakan agar NBD sentiasa dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala, dan akan sentiasa dalam keadaan aman damai di bawah kepimpinan raja tercinta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.



DAYANG Nurfarah Aliaa binti Haji Suhaimi bersama para peserta dari Universiti Teknologi Brunei semasa menyertai perbarisan upacara berkenaan.

## Semarak semangat 'jiwa merdeka' perlu disemat sepanjang masa

Berita dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Kepentingan menyambut Hari Kemerdekaan adalah aspek yang mendalam bagi membina semangat patriotisme dan kesatuan dalam kalangan masyarakat.

Sambutan berkenaan bukan sahaja memperingati kebebasan negara, tetapi juga mewujudkan kesedaran terhadap nilai-nilai nasionalisme yang mendasari pembangunan sosial dan budaya.

Menyambut Hari Kemerdekaan adalah peluang untuk mengukuhkan perpaduan di antara pelbagai etnik dan agama. Ia mendorong masyarakat untuk bersatu dan berkongsi semangat yang sama.

Memupuk semangat patriotisme melalui Sambutan Hari Kemerdekaan adalah penting dalam mengekalkan rasa kebangsaan dalam kalangan rakyat malahan ia juga menggalakkan rasa tanggungjawab kewarganegaraan, sekali gus membawa kesedaran tentang peranan individu dalam memajukan negara.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025, Pelita Brunei

jugalah berkesempatan menemu ramah dua pengusaha perniagaan yang



AL Bukhari Textiles General Manager, Fakhri Alam and President Dewan Perniagaan India di Negara Brunei Darussalam, Awang Nazeer Ahmed bin Mohamed Zackiriah (kiri dan kanan).

sememangnya sudah dikenali di NBD dan juga penduduk tetap di negara ini.

Mereka yang sudah lama bertapak di negara ini sebagai peniaga yang berjaya sekali gus turut sama dalam menyumbang kemajuan ekonomi negara juga berasa amat berbangga berada di negara ini apatah lagi sekian lamanya turut sama dalam meraikan dan mencurahkan rasa patriotik mereka di negara tercinta ini.

"Sebagai seorang penduduk tetap di NBD, saya

amat bersyukur kerana setiap rakyat di negara ini mendapat peluang yang sepatutnya tidak kira dari segi pendidikan, perubatan dan peluang pekerjaan atau perniagaan.

"Syukur Alhamdulillah, saya berharap NBD kekal dipacu pemimpin yang berjiwa rakyat, berpegang teguh kepada hukum Allah Subhanahu Wata'ala, berpandangan jauh dan berkaliber bagi memastikan negara ini berada di landasan yang tepat dan mampu bersaing dengan negara maju yang lain," ujar Presiden Dewan Perniagaan India di NBD, Awang Nazeer Ahmed bin Mohamed Zackiriah.

>> Muka 30

# سردال سوچي

## برساتو منجاهي چيتا نكارا

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَلِمْ سُورَةُ الْبَقَرَةِ آيَةُ ٢٠٨:

تفسير:

واهای اورغ-اورغ بع بریمانا! ماسوقله کامو سموا کدام آكام إسلام سجارا کسلوروهن (دفن ماتوهی سکل حکوم-حکومن) دان جاغنه کامو مفیکوت جحق لعکه شیطان. سسوغکوهن شیطان ایت باکی کامو ایله موسوه بع پات.

سسوغکوهن کامانن هیدوف دان کامانن برنکارا ایت اکن لیه برکسن افیل رعیت دان فندودوق دسسبواه نکارا کیت سنتیاس مغایعیتی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اویله ایت، باکی منظاهیرکن راس شکور کیت کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اتس نعمت کمردیکان نکارا کیت بع ترجینتا این، برستنا دفن هاری کیسان نکارا برونی دارالسلام بع ۱۴-۱۱ تاهون این، ماریله کیت براما-رامای حاضر کمسجد-مسجد، سوراو-سوراو دان بالای-بالای عبادة دسلوروه نکارا یایت قد فتح یسوق، هاری سپتو، ۲۳ شعبان ۱۴۴۶ هجرة برسمان ۲۲ فیروواری ۲۰۲۵ میسیحی باکی سام-سام منوینکن سبیهیغ فرض غرب برجماعه، مجاج سورة یس دان دعاء کشکورن.

موده-مودهن دفن دعاء بع کیت فوھونکن کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى نکارا کیت تتف ککل منجادی سبواه نکارا بلڈه طیبه وَزَبُّ غَمُورٌ. آمین بازٹ العالین.

تفسیر:

واهای اورغ-اورغ بع بریمانا برذکرله مغایعیت الله دفن ذکر بع سباق-باقن. دان برتسیحله کفدن ڦد وقو فاکی دان فتح. دیاله بع مغورنیاکن رحمة کفند کامو دان ملاوکه-ملاوکن فولا (بردعاء مهوونکن آمفوں باکی کامو) اونتوق مغلوارکن کامو درف ککلاون-ککلاون (کوفور) کفند جهای (یمان). دان دی اداله مها فقايسیه کفند اورغ-اورغ بع بریمانا.

{ سوره الأحزاب آيہ: ۱-۴۳ }

بارک اللہ لنا في القرآن العظيم، وَتَفَعَّلَا بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ الْأَوَّلَةِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيَوْلُكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَفِرُوهُ فَيَا فَوْزُ الْمُسْتَفِرِينَ وَيَا يَاجَاهَ التَّائِبِينَ.

دانثرا فیمیقین، مشارکت دان رعیت. کبرسنان سپاکای کفواتن اوتم دالم

معهادی چاپن دان منجاهی متلامت.

اونتوق منجاهی توجوان دان جیتا-جیتا نکارا، ٺرلوهه اد تیندقن، اوپها اکتیف دان برتروسن، مغوبیایی کومبیمن اونتوق برکر ماجو دان مغاتسی رینشن دالم منوجو ڦماشوون، معکوناکن علمو دان کفاکرن سرتا سنتیاس براؤپها مغوبیایی قاعده دان چارا برتیندق سرتا منفعتنکن کماجوان علمو

دان تکنولوچی.

الحمد لله نکارا کیت لاہیر دالم منمفا کمردیکان تله دایریغی دفن لاوشن تکبیر موجی کبرسنان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَائِسْ لِيَمَهَهَ دَان رَحْمَتَن سَرَتَ مَوْهُونَ کبرکن دان ڦونخونک دالم منراجوی ڦنتدیران نکارا. اف بع کیت هارفکن سموک نکارا کیت ترس مٺو برمسايعه دفن نکارا لاین دالم اسقیک کماجوان دان ڦماشوون، مٺو معهادی چاپن اُرسو گلومیغ ڪلوبالیسايی بع سماکن منجابر دفن مغرتیشكکن لاکی نیلای-نیلای اجرن إسلام دالم کپیدوون دان ڦنتدیران سرتا مغلکلن کھرمنین بع سداغ کیت سموا کماجاهی سکارغ این.

لاہیرن کمردیکان نکارا کیت دفن ذکر ملامېشکن سپاہ نکارا بع کیت کھرمنین سکل فرینته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، مک نعمت کرجهن سرتا کرکنلن بع اکن مغایریغی دان ملیندوغی نکارا بع کیت جیتنیا این. این بردارسکن فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سُورَةُ الْبَقَرَةِ آيَةُ ۱۵۲:

تفسیر:

مک یاپنله کامو کفند کو (دفن ملاکوکن سبیهیغ، برذکر دان لاین-لاین فربواتن طاعة) نسجای اکن اکن مغایعیتی کامو. دان برشکورله کفند کو (دفن طاعة مغراجاکن سورو亨نکو) دان جاغنه کامو مغایشكاریکو (دفن بریوات درهاك دان معصیة).

جماعه بع درجمی الله،

کیت جوک برشکور بهارا کامانن دان کستتوسان بع کیت نعیی سلاما این اداله برکت کھیمیقین راج بع سنتیاس مایوونی نکارا دفن منیتیق برتکن اجرن-اجرن إسلام دالم مستیکن سیاف اُرسوس تدبیر دان ڦفوروون نکارا، ڦماشوونکن اومت دان ڦراسارنا اداله برفندوکن اجرن إسلام. فرمان الله

جماعه بع درجمی الله،

برتفوی له کیت کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دفن منیشکن کلیمان کفدن.

سیغکوهن اورغ بع قالیغ ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایله اورغ بع قالیغ برتفوی. موده-مودهن کیت منجادی إنسان بع سنتیاس مغایعیتی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برامله کجیان دان کسلامن ددیا دان جوک دأخیره.

جماعه بع درجمی الله،

ستیاف نکارا ددیا این فسی مغهارثکن کممورن، کسجهہرأن، کماجوان دان ڦماشوونکن بع برداي تاهن. بکیتو جوک دفن نکارا کیت بع سنتیاس برجیتا-جیتا دان مغوبیایی اسقیاسی نکارا سلامس دفن واوسن بروني ۲۰۳۵ دان نکارا ذکر بع منجاکوئی نیلای-نیلای سفرتی کعادبلن، کممورن، کسجهہرأن، ڦماشوونکن برداي تاهن، سرتا ککل دالم برکت دان لیندوعن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، دان جوک برواوسن لواس، جاوه کھادفن برلاتر بلاکٹکن نیلای دان عقل بودی اورغ بروني.

کیت جوک مغرتاہنکن ڦمیریتھن براج سپاکای اساس برنکارا. مغجیاتی دان مبرتای ڦروسیس ڦماشوونکن ڦرییکت اندیویدو، کلوارک، مشارکت دان نکارا برلندرسکن فلسفة ملایو إسلام براجا.

ملک اونتوق منجاهی حسرت دان جیتا-جیتا ترسیوت، کیت هندقله سنتیاس برساتو ڦادو معهادی ڦلیاکای چاپن. اورغ بروني سیمیعنی سوده سباتی دفن عمالن برساتو ڦادو این. فتحتاین دان ڦرکمبیعن سلاما برناہون-

ناہون سبلومن، منجیفتاکن لننسن اونتوق هارفن دان کومیتمن ماس هادفن. نیلای دان عمالن اورغ بروني بع دواریسی این إن شاء الله اکن منجامین کلخشوغن هیدوف براج، برنکارا دان برمارشکت منوجو بلڈه طیبه وَزَبُّ غَمُورٌ (نکارا بع امان معمور دان توہن مها ڦغاڻون) سپاکیمان بع دحسرت دان دایمیکن، سفرتی بع ترمکتوب دالم سُورَةُ سَبَأَ آيَةُ ۱۵:

تفسیر:

(نکری کامو این ایله) نکری بع بایک (أمان دان معمور دفن بواه-بواهن بع باق) دان (توہن کامو اداله) توہن بع مها ڦغاڻون.

جماعه بع درجمی الله،  
دالم برنکارا، کونسیف برساتو ڦادو ایت ساعت فتحی، یايت کسغادوان



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :  
V sahaja

Kategori :  
KA01

Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
19 Februari 2025

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
4 Mac 2025.  
Jam 12.00 Tengah Hari.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
11 Mac 2025.  
Tidak lewat  
jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:  
JKR / DOR / SRC 05 / 2025

Nama Projek:  
Pembinaan Jejambat di  
Persimpangan Lebuhraya  
Muara-Tutong / Penempatan  
Tapak Industri Tanjung Kajar  
(Retender) – Soil Treatment  
Works

Yuran Tawaran :  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)



## JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :  
JPB / 01 / 2025

Keterangan :  
Tawaran Membekalkan Catuan  
Makanan Bagi Penjara Lelaki  
Maraburong Fasa III  
(Bagi Tempoh 2 Tahun)

Bilangan Tawaran :  
JPB / 02 / 2025

Keterangan :  
Tawaran Membekalkan Catuan  
Makanan Bagi Penjara Lelaki  
Maraburong Fasa I  
(Bagi Tempoh 2 Tahun)



## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :  
III & IV sahaja

Kategori :  
KA01, KPB13

Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
19 Februari 2025

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
4 Mac 2025.  
Jam 12.00 Tengah Hari.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
11 Mac 2025.  
Tidak lewat  
jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:  
JKR / DOR / SRC 04 / 2025

Nama Projek:  
Pembinaan Jejambat di  
Persimpangan Lebuhraya  
Muara-Tutong / Penempatan  
Tapak Industri Tanjung Kajar  
(Retender) – Services Protection  
Works

Yuran Tawaran :  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)



Yuran Tawaran :  
BND100.00

Tarikh Tutup Dan Waktu :  
Selasa  
25 Mac 2025  
Tidak Lewat  
Jam 2.00 Petang

Waktu-Waktu Menerima /  
Mengambil Dokumen Tawaran :  
 Isnin - Khamis  
 8.00 Pagi - 11.30 Pagi  
  
 Sabtu  
 8.00 Pagi - 10.00 Pagi



## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 099 / 2024

**Tajuk:**  
Laying MV Underground  
Cable For Mile 4, MIS Madewa  
& MIS Simpang Bengkung

**Tarikh Tutup:**  
8 April 2025

**Harga Dokumen:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913  
Negara Brunei Darussalam.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
(Kelas II & III Sahaja)  
Di Bawah Kategori KPB 12  
Sahaja

**Bilangan Tawaran:**  
JMM / Q&T / JKSH / 2025 / 04

**Tajuk Tawaran:**  
Landscape Maintenance and  
Upkeeping Work To Jabatan  
Majlis - Majlis Mesyuarat  
Negara Brunei Darussalam  
(For Period Of 36 Months)

**Yuran Tawaran:**  
BND15.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
27 Mac 2025.

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
8 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



### Kelayakan:

Mempunyai pendaftaran  
syarikat dengan Kementerian  
Pembangunan dalam Kelas 3, 4  
Atau 5 dalam Kategori E03 dan  
mempunyai pekerja yang  
berdaftar dengan JPE dalam  
kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan  
penerangan-penerangan yang  
lanjut bolehlah diperolehi dari  
**Kaunter Unit Tawaran dan  
Sebutharga, Tingkat 4,**  
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik,**  
**Jabatan Perdana Menteri,**  
**Negara Brunei Darussalam.**

### Perhatian:

Sila sertakan salinan  
"BUSINESS NAMES  
ENACTMENT, 1958 - SECTION  
16 & 17", sijil pendaftaran  
pemborong (MOD),  
sijil Tabung Amanah Pekerja,  
"Tap Employer Contribution" dan  
'Certificate of Tax Compliance'  
semasa menghantar  
dokumen ini ke  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik



## JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Jabatan  
Pembangunan Masyarakat  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JAPEM / KRK / RAMADHAN /  
2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Makanan  
Residen Dan Penghuni  
Kompleks Rumah Kebajikan  
(KRK) Belimbang,  
Subok Bagi  
Bulan Ramadhan 1446 / 2025

**Tarikh  
Tutup Sebut Harga:**  
Khamis,  
27 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Malayan Banking Berhad**  
Pemutang / Pemetisyen

**Mohammed Shajalal Nurul Islam**  
[Kad Pengenalan Brunei No.  
50-960854 – BGIC]  
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

- a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 Januari 2025**.

**Nama dan alamat :**  
Mohammed Shajalal Nurul Islam,  
Bankrap No. 6A,  
1st Floor Sengkurong Jaya II  
Building,  
Sengkurong BG1121,

dan / atau

Ban 3 Avenue,  
Kampung Mulaut, Jalan Ban 3,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
26 September 2024

- b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

- c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
3 Februari 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 228 / 2024**

**Perbadanan Tabung Amanah  
Islam Brunei**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Dk Noorsuriani Binti Pg Tuah**  
BYIC No. 00-275036  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

- a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Januari 2025**.

**Nama dan alamat  
terakhir diketahui:**  
Dk Noorsuriani Binti Pg Tuah  
No. 1, Simpang 51-36-26,  
Kampung Menglait  
Pengkalan Gadong,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
7 September 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
1 Februari 2025

**Kes No.**  
**BCY / CP / 504 / 2019**

**Baiduri Finance Berhad**  
(Previously Filed By HSBC  
Finance (B) Berhad)  
Pemutang / Pemetisyen

**Dayang Siti Noor Dzulmajidah  
Binti Haji Awang Damit**  
[Kad Pengenalan Brunei No.  
00-289020 – BYIC]  
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

- a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 Januari 2025**.

**Nama dan alamat  
Bankrap :**  
Dayang Siti Noor Dzulmajidah  
Binti Haji Awang Damit,  
No. 1, Simpang 23-27,  
Jalan Tanjung Kudus,  
RPN Kampung Mengkubau,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
5 Oktober 2024

- b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

- c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
4 Februari 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 435 / 2017**

**Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang** - Nor Azlina Binti Hj. Ali TAIB (BYIC NO. 00-266188) **Alamat** - No: 2 , Spg 62-19, Jalan Binglu Tengah RPN Tanah Jambu, BU1129, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 435 Tahun 2017

**Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit** – 63 % Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 21 Januari 2025 Di mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

# IKLAN

**Tarikh:**  
4 Februari 2025

**Mohammad Marzuqi Bin Sabtu**  
Timbalan Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Brunei Darussalam

**Kes No.**  
**BCY / CP / 171 / 2018**

**Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Mohammad Hadi Bin Haji Masri (BYIC NO. 00-278567) **Alamat** – No.37, Simpang 19-5, Jalan Laila Bentara, Teres 'D', STKRJ Kampung Mumong A, Kuala Belait, KA1531,Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 171 Tahun 2018 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 27 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 17 Januari 2025 Di mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
4 Februari 2025

**Kes No.**  
**BCY / CP / 627 / 2011**

**Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang** - Sukarneva Bin Haji Mohamed Deli (BYIC NO. 00-116862) **Alamat** – No. 477, Kampung Bukit Udal, Tutong, TD2341, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 627 Tahun 2011 **Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit** – 51 % Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 21 Januari 2025 Di mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
4 Februari 2025

**Kes No.**  
**BCY / CP / 621 / 2012**

**Baiduri Finance Berhad**  
(Previously Filed By HSBC  
Finance (B) Berhad)  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Asmafi Bin A.M. Ali**  
(RBPF IC NO. 00-308464)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **30 Mei 2013** telah dibatalkan pada **1 Februari 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Asmafi Bin A.M. Ali

**Alamat Penghutang:**  
No. 12, Simpang 542,  
Kampung Lambak,  
Jalan Pasir Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
6 Februari 2025

**Kes No.**  
**BCY / CP / 348 / 2014**

**Baiduri Bank Berhad**  
Pemutang Penghakiman /

**Pemetisyen**

**Abd Rahman Bin Abdullah @  
Raymond Chan**  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang  
(BPIC No.31-005885)

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **22 Oktober 2015** telah dibatalkan pada **1 Februari 2025**.

**Nama Penghutang:**  
Abd Rahman Bin Abdullah @  
Raymond Chan

**Alamat Penghutang:**  
No. 6, Lot 35637, Spg. 502-34,  
Jalan Gadong, Kg. Beribi,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
6 Februari 2025

**Muhammad Muzakkir Bin  
Haji Zakaria**  
Timbalan Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Brunei Darussalam

**Kes No.**  
**BCY / CP / 393 / 2019**

**BIBD At-Tawmil Berhad**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Shazana Binti Haji Matussin**  
BYIC NO. 00-310190  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

- a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Oktober 2024**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:**  
Shazana Binti Haji Matussin  
No. 37, Simpang 29, Jalan 31,  
Perumahan Negara Lambak  
Kanan. BC 2512.  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
29 Oktober 2019

- b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
6 Februari 2025

**Notis Kepada Pemutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 Oktober 2024**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar pada 21 April 2025 jam 10.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada

saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 April 2025 jam 10.00 pagi** di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalangannya.

**Bertarikh:**  
6 Februari 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang  
Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
b/p Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**

JMK / BJS / A /  
2025-2026 / 002

**Tajuk Tawaran :**

Tawaran Bagi  
Kerja-Kerja Membersihkan  
Kawasan Luar Dan  
Dalam Bangunan Darulifta  
Brunei Darussalam,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Simpang 26,  
Jalan Pengiran Babu Raja,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam  
(Blok Pentadbiran  
Dan Perpustakaan Islam  
Brunei Darussalam)  
Bagi Tempoh  
Satu (1) Tahun

**Bayaran**

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh**

**Tutup Tawaran :**  
Rabu,  
5 Mac 2025M bersamaan  
3 / 4 Ramadhan 1446H.  
Jam 2.00 Petang.



سـ مـ بـوـتـنـ اـوـلـعـ تـاـهـوـنـ هـ اـيـ كـبـعـسـ اـعـنـ  
نـخـارـاـ بـرـونـيـ دـارـالـسـ لـامـاـءـ ـ4ـ،ـ تـاـهـوـنـ ـ2ـ0ـ2ـ5ـ

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025

١٤٤٦ / ٢٤ شعبان 23 Februari 2025



برـاسـوـتـوـ منـچـاقـاـيـ چـيـتـانـكـارـاـ  
Bersatu Mencapai Cita Negara

١٤٤٦ / ٢٤ شـعبـانـ 23 Februari 2025



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



# WBC BANTU ANAK YATIM, KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN |

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman



**TELANAI**, Sabtu, 22 Februari. – Dalam persiapan menyambut ketibaan bulan Ramadan yang hanya tinggal beberapa hari lagi, anak-anak yatim serta keluarga yang kurang berkemampuan tidak pernah dilupakan dalam sama-sama menjalani ibadah puasa semasa bulan suci berkenaan nanti.

**SEKITAR** Majlis Infak Jalinan Kasih anjuran Majlis Perniagaan Wanita (Women Business Council-WBC) Brunei Darussalam bertempat di Rasa Ceria Café (atas kiri, atas kanan dan kiri).

Sehubungan dengan itu, Majlis Perniagaan Wanita (Women Business Council-WBC) Brunei Darussalam menganjurkan Majlis Infak Jalinan Kasih bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak, bertempat di Rasa Ceria Café, Kampung Telanai.

Acara berkenaan adalah bagi penyampaian sumbangan derma berupa wang tunai dan barang-barang asasi kepada keluarga yang kurang berkemampuan terdiri daripada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Dipertua WBC Brunei

Darussalam, Datin Paduka Hajah Rokiah binti Haji Zakiah.

Naib Yang Dipertua WBC Brunei Darussalam, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, WBC sentiasa mengalui-alukan sumbangan daripada orang ramai untuk diserahkan kepada mereka yang berhak di negara ini.

Beliau turut menyampaikan pesan dan nasihat kepada anak-anak yatim untuk terus belajar bersungguh-sungguh agar masa depan mereka akan lebih cerah.

Dayang Hajah Mordiah seterusnya menambah, begitu juga kepada ibu-ibu tunggal disarankan untuk meningkatkan kehidupan mereka sama ada dengan membuat perniagaan sendiri dan mempelajari bidang-bidang masakan dan sebagainya untuk membantu mereka memajukan diri.

Pada majlis berkenaan, seramai 40 penerima terdiri daripada 10 anak yatim, 20 ibu tunggal dan 10 buah keluarga yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan.

Majlis berkenaan diungkayahkan oleh WBC Brunei Darussalam dengan kerjasama Kumpulan Prihatin, Projek Impian Cahaya Iman, Projek Bina Bakti, Kumpulan Saham Akhirat, Ahli-ahli WBC Brunei Darussalam dan penderma persendirian.

## Khatam Al-Quran PPPBD semarakkan Sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**KATOK**, Ahad, 23 Februari. – Majlis Khatam Al-Quran Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41 adalah merupakan salah satu daripada kegiatan keagamaan tahunan persatuan berkenaan dan sebahagian daripada rangkaian kegiatan di bawah projek berpanjangan persatuan Projek Pencinta Kalam Allah.

Sehubungan dengan itu, majlis yang mengambil tempat di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha petang tadi, dihadiri oleh Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Ali dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Turut sama pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan ialah ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam Projek Pencinta Kalam Allah yang telah melengkapkan bacaan kesemua 30 Juzuk Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Antara tujuan majlis dan kegiatan berkenaan diadakan adalah bagi menyemarakkan lagi Sambutan HK NBD Ke-41, Tahun 2025 dengan kegiatan-kegiatan keagamaan dan bermanfaat.

Selain itu, bagi memupuk budaya membaca, memahami dan mendalamai Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan sekali gus mendidik ahli-ahli daripada aspek kerohanian, dan untuk para ahli persatuan lebih mendekatkan diri kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup yang lengkap serta mengeratkan lagi silaturahim serta memupuk perasaan muhibah dalam



**NAIB** Yang Dipertua Sepanjang Hayat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Datin Hajah Masni binti Haji Ali dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41.

kalangan ahli persatuan.

Di samping kegiatan-kegiatan perkembangan kemahiran, kemasyarakatan dan kebudayaan, PPPBD juga turut aktif dalam mengungkayahkan kegiatan-kegiatan yang bersifat kerohanian dan keagamaan yang melibatkan penyertaan ahli-ahli daripada semua peringkat.

### NBD terus dilimpahi kemakmuran, kesejahteraan

>> Muka 18

“Belia negara yang sangat menitikberatkan pendidikan dan jati diri adalah pemacu kepada pembangunan ummah yang mampan sekali gus menongkah arus dunia dan setentunya bersama mencapai Wawasan Brunei 2035,” ujarnya lagi ketika menyentuh mengenai peranan belia dalam pembangunan negara.

“Allahuakbar, Allahuakbar, segala puji bagi Allah mengurniakan NBD sebagai sebuah negara yang kekal dalam mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja baik dari sudut pembangunan negara sekali gus mencapai hasrat dan cita negara bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini,” ujar Dayang Hajah Azizah Tahirah lagi.

“Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun HK ini, saya mengucapkan selamat HK NBD Ke-41, Tahun 2025,” tambahnya lagi.

# IMBASAN MINGGUAN



SUASANA raptai penuh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41, Tahun 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

**ANTARA** yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD, Pro-Canselor UNISSA dan Pro-Canselor UTB Ke-51 Tahun. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



**PERBARISAN** berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat pada Majlis Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 yang terdiri daripada 367 pelatih, iaitu 253 lelaki dan 114 perempuan yang berlangsung di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



**TAKLIMAT** Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dihadiri oleh para tenaga pengajar serta 143 pelajar sekolah berkenaan yang diadakan di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

**SEORANG** perempuan berbangsa Cina, warganegara Indonesia, Verona Putri, berusia 22 tahun memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baru. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

**SALAH** seorang murid Sekolah Rendah Rataie begitu bersemangat menantikan kehadiran raja tercinta semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke dua buah sekolah rendah di Daerah Temburong. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



# Hobi menjadi sumber rezeki

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ihsan Anis Suriani Sipul

**S**IAPA boleh menjangka ... dahulunya sekadar hobi, kini menjadi sumber rezeki. Namun itulah yang berlaku kepada Dayang Anis Suriani binti Sipul, seorang belia berusia 23 tahun dan berasal dari daerah yang dikenali dengan Permata Hijau.

Berkelulusan Politeknik Brunei dalam jurusan Interior Design, Dayang Anis sememangnya meminati seni dan kraf tangan sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Setelah menginjak dewasa, Dayang Anis berjaya menghasilkan beberapa produk yang menggunakan bahan-bahan kitar semula dan bahan semula jadi. Selain melakukan kerja tangannya secara persendirian, dia juga sering dibantu oleh orang-orang di sekelilingnya seperti kedua orang tuanya terutama sekali untuk mendapatkan bahan-bahan semula jadi dengan dibantu oleh adik-adiknya. Ahli keluarga terdekatnya itulah yang memberi dorongan dan sokongan terhadap Dayang Anis untuk terus berusaha menghasilkan kerja tangan seperti untuk mendapatkan bahan-bahan semula jadi dan idea.

## Sampul raya

Idea untuk membuat sampul raya ini tercetus pada bulan Disember 2023 dengan mula mendapatkan bahan dan idea untuk menghasilkan sampul raya, Dayang Anis mula menjual sampul - sampul raya menjelang Ramadan pada tahun berikutnya. Dihasilkan seratus peratus hasil kerja tangan sendiri dan menggunakan nama pena Aeriruei serta logo yang terinspirasi dari

negara Jepun, Dayang Anis menggunakan aplikasi Canva bagi kerja-kerja membuat reka bentuk bagi sampul-sampul raya pada tahun 2024. Namun bermula tahun ini beliau membuat satu pembaharuan dengan melukis sendiri sampul-sampul raya rekaannya.

## Projek buluh

Buluh merupakan bahan semula jadi yang boleh dipelbagai penghasilannya. Memandangkan buluh mudah diperoleh, Dayang Anis menjadikannya satu cabaran untuk mencipta dan menghasilkan satu produk baharu. Pasu bunga merupakan produk pertama yang beliau hasilkan daripada buluh yang bertemakan bunga dan lukisan kanak-kanak lima kelopak. Untuk menghasilkannya, Dayang Anis menggunakan lima batang buluh dengan ketinggian berbeza, rotan sebagai hiasan yang mengikat buluh serta kayu sebagai alas.

## Bingkai gambar

Produk kedua beliau ialah bingkai gambar dalam pelbagai jenis iaitu bingkai gambar dinding, bingkai khusus diletakkan di atas meja dan lain-lain. Juga dihasilkan ialah bingkai berbentuk art stand menggunakan buluh yang dipotong nipis dan diikat menggunakan tali. Selain itu, Dayang Anis juga menghasilkan produk 'Kalender dan Bingkai Gambar' dengan menggunakan lukisan 3D sebagai gaya seni.

## Paper Art Tunnel

Juga dikenali sebagai lukisan 3D, produk

ini merupakan lukisan yang memaparkan perspektif dan kedalaman sebuah gambar. 'Paper Art Tunnel' yang pertama dihasilkan olehnya adalah 'The Garden of Serenity', terinspirasi dari animasi Jepun, Studio Ghibli. 'The Garden of Serenity' menampilkan sebuah taman rahsia di sebuah bukit tinggi yang terletak berdekatan dengan laut.

## Pemasaran

Dayang Anis sangat bernasib baik apabila produk-produk yang dihasilkannya mendapat sambutan menggalakkan. Selain jualan secara maya iaitu melalui Instagram dan TikTok (*paid advertisement*), beliau juga mempromosikan produk-produknya melalui jualan secara *offline* di MUA On The Green dengan menyertai 'Simpang Raya' yang dikendalikan oleh restoran berkenaan. Penyertaan beliau ini secara tidak langsung menjadi platform bagi Dayang Anis untuk memperkenalkan produk-produk yang dihasilkannya.

## Cabar, cara mengatasinya

Apa jua bidang yang kita ceburi setentunya akan berdepan dengan cabaran. Bagi Dayang Anis, selain cabaran dari segi kewangan dan masa, beliau juga berdepan dengan kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan untuk menghasilkan produk kraf tangannya. Bagi mengatasi cabaran tersebut, Dayang Anis sentiasa menanamkan sifat sabar dan terus berusaha semampu yang boleh kerana beliau yakin Allah Subhanahu Wata'ala akan menunjukkan jalan penyelesaian kepadanya di samping mendapat bantuan dari orang-orang di sekelilingnya.

## Harapan

Bagi mengakhiri pendekatan bersamanya, Dayang Anis melahirkan harapan agar beliau sentiasa rendah diri dan selalu diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di samping berharap untuk mengembangmajukan lagi produk-produk yang dihasilkannya. Apa yang penting baginya adalah dia akan selalu diberi peluang untuk menjadi lebih baik daripada yang sebelumnya dan produk-produknya terus mendapat sambutan dari semasa ke semasa. Dayang Anis juga berhasrat untuk mencuba sesuatu yang baharu dan mencabar serta menambah ilmu dan kemahirannya.

Khusus buat belia yang berhasrat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sedikit pesanan dari Dayang Anis :

"Terus lakukan apa jua yang ingin awda lakukan dan teruslah belajar walau pun sukar. Hargai setiap masa yang ada dengan ilmu. Terus pelajari apa jua hal-hal yang membosankan atau tidak awdasukai, kerana satu hari pasti akan ada kegunaannya. Setelah menginjak dewasa, apabila awda melihat ke belakang, awda tidak akan menyesal dan percayalah, awda adalah orang-orang yang berjaya. Dan ingat, Allah tidak akan mengubah hidup awda melainkan awda sendiri yang mula mengubahnya".

Kepada sesiapa yang berminat untuk mendapatkan hasil kerja tangan Dayang Anis bolehlah menghubungi melayari Instagram dan TikTok @aeriruei atau melalui aplikasi WhatsApp +673 817 2211.



# Sidang MMN kekal sebagai forum perbincangan tertinggi negara

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat  
Foto : Jabatan Penerangan

**M**AJLIS Mesyuarat Negara (MMN) ditubuhkan berdasarkan Perkara 23 dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Perkara 24. MMN berperanan sebagai landasan rasmi untuk membincangkan isu-isu berkepentingan kepada rakyat dan negara serta bertanggungjawab dalam Penggubalan Undang-undang (Law-Making), Penelitian Perbelanjaan (Financial Scrutiny) dan Penelitian serta Semak dan Imbang (Inquisitorial and Check & Balance), di mana ia bersidang sebagai badan perundungan (*unicameral*) berteraskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan berdasarkan sistem House of Commons, United Kingdom serta dilaksanakan mengikut Peraturan Mesyuarat MMN (Standing Order), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

## MMN 2025

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN akan berlangsung pada Rabu, 27 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 26 Februari 2025 Masihi bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, NBD. Permesyuaratan dimulakan dengan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN.

Persidangan MMN seterusnya akan disambung dengan membincangkan perkara-perkara yang terdapat dalam susunan urusan seperti berikut :

- Usul Menjunjung Kasih.
- Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136).
- Usul Ketetapan Perintah yang diluluskan bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.
- Usul Penangguhan MMN.
- Perkara utama yang juga dibincangkan adalah yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2025 - 2026 yang mana MMN akan menimbaangkan dan seterusnya meluluskan Rang Undang-undang ini untuk menjadi Akta Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2025 - 2026.

• Persidangan juga akan membuka ruang kepada pertanyaan dan kenyataan menteri.

Apa yang menarik sewaktu MMN tersebut adalah perbahasan dan pertukaran fikiran yang mana semua akan menjurus kepada membincangkan pelbagai perkara dan isu yang berkepentingan kepada rakyat dan negara, yang akan membawa negara ke hadapan. Ini adalah penting terutamanya memandangkan negara sedang berusaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Kesepakatan antara semua pihak juga penting kerana dengan cara ini akan dapat membina rangkaian kerja yang lebih strategik dan terarah, yang mana hasil daripada permuzakarahan yang konstruktif dan membina demi kepentingan negara bersama.

## MMN menyatakan kepentingan rakyat, kerajaan

MMN telah bersidang selama 21 tahun

sejak penubuhannya semula pada tahun 2004. Berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, MMN terus menjadi satu landasan utama bagi mengetahahkan perkara-perkara dan isu-isu kebangsaan, sekali gus membolehkan perbahasan dilakukan secara terbuka oleh Ahli-ahlia MMN mengenai isu-isu penting demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Dalam suasana perbincangan yang harmoni, MMN menyatakan kepentingan rakyat dan kerajaan dengan membincangkan dasar-dasar penting bagi mencapai kemajuan ekonomi yang mampan, kesejahteraan rakyat melalui dasar sosial yang inklusif, serta memastikan keamanan negara yang berterusan di bawah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

## Ahli yang terlibat

Sejak 11 Februari 2015 hingga sekarang, jawatan Yang Di-Pertua MMN disandang oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Jurutulis MMN yang akan turut membantu ialah Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, 34 orang Ahli-ahlia MMN terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, dan Ahli Yang Dilantik: Orang-Orang Yang Bergelar; Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan; Wakil dari Daerah.

Manakala Urus Setia MMN yang bertanggungjawab dalam memastikan persidangan berjalan dengan lancar, teratur dan efisien ialah terdiri daripada pelbagai bahagian, termasuk Pejabat Yang Di-Pertua, Pejabat Jurutulis, Bahagian Korporat, Bahagian Sekuriti dan Keselamatan, Bahagian Media, Perhubungan Awam dan

Perhubungan Inter-Parlimen, Bahagian Perhubungan Strategik, Bahagian Teknikal, Bahagian Logistik, Bahagian Laporan serta Bahagian Penyelidikan.

## Orang awam dialu-alukan hadir di Persidangan MMN

Sesi Persidangan MMN dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk mendengarkan perbahasan serta perbincangan yang berlangsung. Orang awam yang berminat amat dialu-alukan untuk hadir dan menyaksikan sesi perbahasan secara langsung di Dewan Persidangan, sehari selepas Istiadat Pembukaan Rasmi. Perkhidmatan terjemahan bahasa dalam Bahasa Inggeris juga tersedia dengan permohonan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kehadiran.

Institusi pendidikan dijemput untuk membawa penuntut-penuntut sebagai pendedahan mengenai MMN, termasuk proses perundungan negara serta perbahasan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN. Permohonan untuk mengadakan lawatan boleh dibuat melalui surat rasmi kepada Urusetia MMN sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan.

Rakaman persidangan harian boleh ditonton melalui saluran RTB Perdana dan RTB SukmaIndera pada pukul 9.00 malam untuk rakaman sesi pagi, dan pada pukul 11.00 malam untuk rakaman sesi petang.

Dokumen rasmi persidangan seperti Penyata Rasmi (Hansard), Minit Mesyuarat dan Perintah Harian boleh diakses melalui laman sesawang [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn) atau [www.councils.gov.bn](http://www.councils.gov.bn). Maklumat terkini serta perkembangan persidangan juga akan diterbitkan dalam Instagram rasmi [@legcobreunei](https://www.instagram.com/legcobreunei).

## MEMANTAPKAN AJARAN ISLAM DALAM KALANGAN MUALAF

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**PULAIIE**, Sabtu, 22 Februari. - Bagi memantapkan serta menambah lagi ilmu pengetahuan dan ajaran agama Islam dalam kalangan mualaf, sekali gus meningkatkan kesedaran akan kepentingan mendalam serta menghayati ilmu agama Islam untuk diterapkan dalam kehidupan sehari-hari lebih-lebih lagi menjelangnya bulan suci Ramadan yang akan datang ini, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Tarbiyah Mualaf) mengadakan Tarbiyah Menjelang Ramadan Bersama Mualaf Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, Kampung Pulaie.

Antara objektif program diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan

panduan kepada para mualaf tentang cara Sembahyang Sunat Tarawih yang sempurna, meningkatkan kefahaman dan pengetahuan para mualaf tentang kelebihan Sembahyang Sunat Tarawih dan perkara-perkara yang berhubung kait dengannya agar para mualaf dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam Sembahyang Sunat Tarawih dengan betul.

Seramai 43 orang peserta mualaf mengikuti program ini.

Pengisian program termasuk ceramah bertajuk 'Kaifiyat Sembahyang Sunat Tarawih di Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Antara inti pati ceramah yang

disampaikan ialah mengenai Sembahyang Sunat Tarawih seperti Waktu Sembahyang Sunat Tarawih, pensyiaran, kelebihan, rakaat, niat dan cara menunaikan serta bacaan Sembahyang Sunat Tarawih, dan juga Sembahyang Sunat Witir.

Dengan adanya program seumpama ini, diharap akan dapat meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan para mualaf tentang Sembahyang Sunat Tarawih serta dapat menyuntik semangat untuk mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih dengan penuh keimanan dan keiklasan.

PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus menjaga serta memelihara kemaslahatan saudara-saudara baharu di negara ini termasuk dengan memberikan Kelas-kelas Bimbingan.



SUASANA Tarbiyah Menjelang Ramadan Bersama Mualaf Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) (atas dan bawah).



### ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

## Jaga keselamatan ketika bermiaga

Siaran Akbar : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Dalam menyambut kedatangan bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi, orang ramai khasnya para penjaja adalah diperingatkan untuk sentiasa mengutamakan keselamatan dan sentiasa peka akan keberadaan undang-undang berkenaan dalam mengenal pasti kawasan - kawasan yang bersesuaian untuk menjalankan sebarang perniagaan.

Adalah diperingatkan bahawa mendirikan apa juu struktur dalam kawasan awam seperti di kawasan premis perniagaan khasnya kawasan kaki lima, petak letak kenderaan serta landskap adalah melanggar Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 yang mana jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND200,000 atau BND10,000 jika kesalahan berterusan.

Manakala, mendirikan struktur di atas jalan atau rizab jalan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan di bawah Akta Lalu Lintas Jalan Raya yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan

denda dan penjara selama tiga bulan.

Adalah menjadi kebimbangan pihak berkuasa jika tempat petak letak kenderaan awam khususnya di kawasan-kawasan komersial digunakan untuk meletakkan gerai-gerai jualan kerana ia akan mengakibatkan kekurangan petak kenderaan awam yang telah ditetapkan dan ini boleh menyebabkan peletakan kenderaan di kawasan yang tidak teratur yang boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas.

Pembinaan struktur-struktur atau gerai yang tidak teratur juga boleh menimbulkan risiko bahaya kepada para pejalan kaki dan pengguna jalan raya terutama sekali ketika cuaca hujan dan angin kencang.

Oleh itu, para penjaja hendaklah dinasihatkan untuk merancang lebih awal dan berhubung dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi mendapatkan tempat bersesuaian untuk bermiaga khusus di dalam kawasan yang telah dikenal pasti bagi menjalankan kegiatan bermiaga. Mematuhi undang-undang dan

turut sama dalam menjaga persekitaran dan kesejahteraan awam adalah tanggungjawab

bersama.

Bagi sebarang aduan perlanggaran akta dan peraturan,

orang ramai bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123 mengenainya.



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia.' Tarikh Tutup : 26 Februari 2025
- 'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi.' Tarikh Tutup : 5 Mac 2025
- 'Bersatu Mencapai Cita Negara.' Tarikh Tutup : 12 Mac 2025

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :


### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU



## NASIONAL

# IHP JANUARI 2025 MENUNJUKKAN PENURUNAN 0.4 PERATUS

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada Januari 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.4 peratus berbanding Januari 2024, didorong oleh penurunan sebanyak 1.0 peratus bagi indeks makanan dan minuman ringan dan sebanyak 0.2 peratus bagi indeks bukan makanan.

Penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah didorong oleh penurunan harga daging ayam disebabkan oleh pengurangan permintaan domestik dan penurunan harga ikan segar dan udang daripada negara-negara pembekal.

Sementara itu, penurunan sebanyak 1.2 peratus bagi pengangkutan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga pengangkutan udara.

Manakala harga perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api juga mencatatkan penurunan 0.8 peratus, terutamanya pada harga penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Januari 2025 menunjukkan penurunan sebanyak

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

1.2 peratus daripada Disember 2024.

Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 1.6 peratus bagi indeks bukan makanan, manakala indeks makanan dan minuman ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus.

Penurunan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga pengangkutan (4.0 peratus) dan pakaian dan kasut (6.7 peratus).

Manakala peningkatan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya

**BAGI perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Januari 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 1.2 peratus daripada Disember 2024. Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 1.6 peratus bagi indeks bukan makanan, manakala indeks makanan dan minuman ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus.**

didorong oleh ikan dan makanan laut (1.5 peratus) dan sayur-sayuran (1.7 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan kepada maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi Januari 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

## UNN terima Anugerah ESG Initiative of the Year



KETUA Akademi dan Ketua Program Jangkauan Komuniti, Regina Goh ketika berucap (atas), manakala gambar kanan, Ketua Akademi dan Ketua Program Jangkauan Komuniti bersama Ketua Pengurusan Fasiliti dan Penasihat Program Jangkauan Komuniti, Christine Leong semasa menerima anugerah.

**Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Unified National Networks Sdn. Bhd. baru-baru ini menerima Anugerah ESG Initiative of the Year di Anugerah Telekom Asia 2025, sebagai pengiktirafan atas komitmennya terhadap kemampuan dan pemerkasaan komuniti.

Majlis Penganugerahan tersebut diadakan baru-baru ini, di Marina Bay Sands Expo & Convention Centre, Singapura, dan memberi penghormatan kepada UNN atas program jangkauan 'UNNity for Local Community'.

Sebagai sebahagian daripada Projek Pembangunan Luar Bandar, yang bermula pada 2020, UNN

menubuhkan stesen pangkalan berkuasa solar hibrid di kawasan terpencil di Negara Brunei Darussalam.

Sehingga kini, enam stesen operasi menyediakan sambungan yang mampan kepada masyarakat luar bandar, memastikan akses kepada infrastruktur telekomunikasi penting sambil menggunakan tenaga bersih dan boleh diperbaharui.

Menyedari cabaran logistik untuk mengekalkan tapak ini,

UNN mengembangkan inisiatifnya untuk melibatkan masyarakat setempat. Program UNNity untuk masyarakat setempat memperkasakan penduduk luar bandar dengan melibatkan mereka dalam penjagaan dan

penyelenggaraan asas stesen janakuasa solar ini.

Inisiatif ini bukan sahaja memupuk hubungan inklusif tetapi juga mengurangkan jejak karbon UNN dengan ketara, mengurangkan anggaran 643.2 kilogram pelepasan CO2 sebulan dengan meminimumkan keperluan untuk perjalanan kerap ke lokasi terpencil ini.

Pendekatan dipacu kemampuan UNN ini dipuji oleh pakar industri dari Ernst & Young (EY), PricewaterhouseCoopers (PwC) China, dan Deloitte Asia Tenggara, yang mengiktiraf sumbangan cemerlang syarikat dalam kalangan firma telekomunikasi serantau terkemuka.

Menerima Anugerah ESG Initiative of the Year bagi pihak UNN ialah Ketua Akademi dan Ketua Program Jangkauan Komuniti, Regina Goh dan Ketua Pengurusan Fasiliti dan Penasihat Program Jangkauan Komuniti, Christine Leong.

Dalam ucapan penerimaannya, Regina Goh menekankan komitmen UNN terhadap kemasukan digital, dengan menyatakan, Visi UNN adalah untuk membina Brunei pintar dengan memastikan kesalinghubungan di seluruh negara dan menyokong bakat tempatan. Misi UNN adalah untuk memperkasakan masyarakat digital di mana semua rakyat Brunei boleh mengakses perkhidmatan internet yang berpatutan dan bermakna.

Christine Leong menegaskan semula dedikasi UNN terhadap kemampuan, yang mana UNN telah lama menjadi advokasi tanggungjawab alam sekitar dan penggunaan teknologi beretika. Kami berbesar hati menerima

anugerah ini, yang mengiktiraf usaha kami dalam menyepakat teknologi, inovasi dan kemampuan.

Pengiktirafan ini menggariskan kepimpinan UNN dalam

penyelesaian telekomunikasi yang mampan dan menyerlahkan komitmen berterusan syarikat terhadap penjagaan alam sekitar dan pembangunan komuniti.

## Semarak semangat 'jiwa merdeka' perlu disemat sepanjang masa

**>> Muka 19**

Awang Nazeer Ahamed selanjutnya berkata, semoga anugerah dari Allah Subhanahu Wata'ala yang dinikmati hari ini sentiasa disyukuri dan sebagai rakyat di negara ini kita juga amat prihatin dan berharap semua dapat sama-sama membantu setiap mereka yang memerlukan tanpa mengira agama dan warna kulit.

"Akhir sekali, tidak lupa meluahkan rasa syukur kepada pemerintah negara ini dan juga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana peluang dan sokongan yang diberikan kepada mereka selaku penduduk tetap bahkan juga kepada warga asing yang berada di negara ini amatlah begitu bermakna."

"Selamat menyambut Ulang Tahun HK NBD yang Ke-41," ujarnya lagi.

Sementara itu, Al Bukhari Textiles General Manager, Fakhri Alam pula menyifatkan kemerdekaan NBD bukan hanya simbol kebebasan dan kedaulatan, tetapi juga mencerminkan semangat perpaduan serta keinginan untuk maju sebagai satu bangsa.

Tambahnya, kemerdekaan yang dikecapi negara seharusnya disemai dengan sifat toleransi, harmoni dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa.

Sebagai rakyat mahupun penduduk di NBD jelasnya, kita seharusnya mempunyai rasa syukur seterusnya sama-sama memajukan NBD ini yang penuh potensi untuk lebih berjaya dan mencapai status negara maju.

Bahkan katanya lagi, pencapaian negara yang dikecapi sekarang juga perlu dikekalkan apatah lagi dengan kestabilan kerajaan berjaya memberi keyakinan kepada pelabur, pengguna serta para peniaga juga usahawan tempatan dan luar negara.

"Kejayaan yang dicapai negara ini perlu dikekalkan walaupun kita hanya dilihat sebagai sebuah negara kecil."

"Semangat 'jiwa merdeka' bukan sahaja merujuk kepada kemerdekaan daripada aspek pemerintahan semata-mata tetapi kebebasan ekonomi dengan merapatkan jurang masyarakat, memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negara."

"Semoga semangat 'jiwa merdeka' menjadi inspirasi untuk kita bekerja bersama ke arah masa depan lebih cerah dan makmur untuk semua," ujarnya lagi.

## KAWALAN SUHU, PENCEGAHAN RETAK DI STESEN JANA KUASA HIDRO ALTITUD TINGGI

**BEIJING**, 23 Feb. - Di hulu Sungai Jinsha di China barat daya, stesen jana kuasa hidro altitud tinggi sedang dalam pembinaan. Terutamanya, kesukaran ketara kawalan suhu dan pencegahan retak semasa proses menuang konkrit di kawasan sejuk dan altitud tinggi telah diatasi oleh pasukan pembinaan.

Stesen Tenaga Hidro Yebatan terletak di persimpangan Daerah Baiyu di barat daya Wilayah Sichuan China dan Daerah Konjo di Wilayah Autonomi Xizang, yang juga terletak di China barat daya.

Dengan ketinggian tertinggi hampir 2,900 meter, stesen jana kuasa hidro ini mempunyai empangan gerbang setinggi 217 meter dan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 2.24 juta kilowatt.

"Retak sentiasa menyusahkan

penuangan empangan konkrit," kata Du Guangyuan, pengarah jabatan pengurusan kejuruteraan di Huadian Jinsha River Upstream Hydropower Development Co., Ltd. Malah retakan yang paling kecil boleh memberi kesan negatif terhadap ketahanan, sekali gus memendekkan hayat perkhidmatan empangan.

"Menuangkan empangan konkrit adalah seperti membakar kek," kata Du. Selepas menyuntik bahan mentah ke dalam acuan, pembina menunggu sehingga empangan terbentuk "tetapi yang pertama jauh lebih rumit daripada yang terakhir."

Semasa menuang, bahagian luar konkrit menyedut dengan cepat, manakala haba dalaman terus terkumpul akibat tindak balas penghidratan simen. Perbezaan suhu ini menjana tekanan

Jika tegasan melebihi had toleransi konkrit, keretakan perlahan-lahan akan timbul, melemahkan kekuatan struktur empangan dan mengurangkan kapasiti galas bebannya.

Persekuturan keras yang ditemui di kawasan yang sejuk dan tinggi, dengan musim sejuk yang lebih panjang dan tempoh musim bunga dan musim luruh yang lebih pendek, meningkatkan risiko keretakan, dan pembina perlu mengambil kira perkara ini di Stesen Tenaga Hidro Yebatan. Membina empangan sebegini jelas menjadi satu cabaran memandangkan keadaan cuaca di tapak pembinaannya.

"Kaedah pencegahan keretakan konkrit lama hampir tidak berkesan di sini," kata Zhong Fulin, penolong pengarah dengan

jabatan pengurusan kejuruteraan. Selepas percubaan dan perbincangan yang tidak terkira banyaknya, pasukan pembinaan menghasilkan penyelesaian imaginatif, membina "rumah berhawa dingin" untuk empangan itu.

Untuk mengekalkan penebat haba, mereka menyembur poliuretana pada permukaan hulu dan hilir empangan, dan meletakkan filem plastik di geladak dan kawasan puncak melintang dengan berkesan mengekalkan persekitaran lembap, jelas Zhong.

Melalui usaha yang gigih dan mahir itu, mereka berjaya memasang penutup bertebat tiga lapisan sambil menambah kemudahan pemanasan, seperti pemanas udara, di permukaan untuk memastikan konkrit mengekalkan julat suhu yang sesuai selepas dituang.

Akhirnya, pasukan pembinaan berjaya mencapai penuangan empangan konkrit sepanjang tahun.




Pada masa ini, mereka juga menggunakan sistem pintar untuk mengawal suhu empangan dalam menjalankan grouting yang cekap.

Sistem kawalan suhu pintar mampu memantau perubahan suhu dalaman dalam masa nyata dan dengan ketepatan. Ia boleh bertindak balas dengan pantas jika sebarang keabnormalan dikesan dan mampu bertukar secara automatik kepada sama ada mod pemanasan atau penyejukan.

Pembinaan projek utama stesen jana kuasa hidro bermula pada September 2018, dengan kumpulan unit pertamanya dijangka mula beroperasi menjelang akhir 2025.

Stesen kuasa hidro akan dapat menjana 10.2 bilion kilowatt-jam kuasa setiap tahun, menjimatkan hampir 4 juta tan arang batu dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 7.37 juta tan setahun. – ©XINHUA



PEKERJA beroperasi di tapak pembinaan Stesen Tenaga Hidro Yebatan di barat daya China.

## Badan pengawas PBB kumpul sampel air Fukushima, China sertai buat kali pertama

**TOKYO**, 22 Feb. - Badan pengawas nuklear Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengumpul sampel air radioaktif terawat dari loji nuklear Fukushima Daiichi yang rosak pada Jumaat dan menyaksikan kali pertama China menyertai proses itu, lapor agensi berita Kyodo.

Jepun dan China bersetuju mengenai penglibatan Beijing dalam pensampelan dan analisis air yang dilepaskan di bawah kerangka kerja Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Menurut pegawai kerajaan, langkah itu sebahagian daripada usaha untuk memudahkan potensi China menyambung semula import makanan laut Jepun, yang digantung susulan

Selain pakar IAEA, penganalisis dari China, Korea Selatan, Switzerland dan Perancis turut mengambil bahagian dalam aktiviti pensampelan itu.

Pada Jumaat, sampel cecair diambil dari tangki simpanan di tapak loji, lokasi tempat air terawat disimpan sebelum dicairkan dengan air laut.

Loji Fukushima Daiichi mengalami pencairan teras reaktor di beberapa unit selepas gempa bumi bermagnitud 9.0 dan tsunami pada Mac 2011.

Pengendali loji itu mula melepaskan air radioaktif terawat secara terkawal ke lautan pada Ogos 2023, langkah yang mencetuskan bantahan kuat dari China. - ©BERNAMA

## ESCAP seru ASEAN perkukuh komitmen Perjanjian Paris di tengah ketidaktentuan iklim global

**KUALA LUMPUR**, 22 Feb. - Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (ESCAP) menggesa negara-negara ASEAN memperkuuh komitmen terhadap tindakan iklim dan terus menjunjung Perjanjian Paris, meskipun dasar global berkaitan perubahan iklim semakin beralih arah.

Setiausaha Agung Rendah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merangkap Setiausaha Eksekutif ESCAP, Armida Salsiah Alisjahbana menegaskan bahawa ASEAN perlu bersatu dalam usaha menangani perubahan iklim, memandangkan bukti saintifik menunjukkan dunia kini hampir melampaui had pemanasan global 1.5 darjah Celsius.

"Sains membuktikan segalanya. Kita tidak boleh membiarkan suhu global mele过i ambang 1.5 darjah Celsius. Jika itu berlaku, kesannya amat dahsyat - kejadian cuaca ekstrem lebih kerap, paras air laut meningkat, serta gangguan ekonomi dan sosial yang serius, terutama kepada komuniti rentan," katanya dalam satu temu bual eksklusif bersama Bernama.

Beliau mengakui bahawa walaupun beberapa kuasa ekonomi utama telah menarik diri atau melemahkan komitmen

mereka terhadap Perjanjian Paris, ASEAN harus kekal teguh dalam kepimpinan iklimnya.

"Ada negara yang berundur, tetapi itu tidak bermakna Perjanjian Paris sudah tidak relevan. Sebaliknya, dunia - terutamanya ASEAN - perlu melangkah ke hadapan dan memperkuuh usaha menangani perubahan iklim," katanya.

Perjanjian Paris, yang diterima pakai pada 12 Disember 2015, adalah perjanjian antarabangsa yang mengikat secara sah untuk mengehadkan pemanasan global kepada di bawah dua darjah Celsius, dengan sasaran ideal 1.5 darjah Celsius berbanding era pra-industri.

Perjanjian itu berkuat kuasa pada 4 November 2016.

Baru-baru ini, Amerika Syarikat (AS) menarik diri daripada perjanjian itu buat kali kedua, diumumkan oleh Presiden Donald Trump pada 20 Januari 2025 atas alasan bahawa perjanjian terabit menjelaskan ekonomi AS dan meletakkan negara itu dalam keadaan tidak menguntungkan.

Dalam pada itu, Alisjahbana turut menggesa kerjasama serantau yang lebih kukuh bagi memastikan pelaburan hijau dan kemajuan teknologi supaya adaptasi perubahan iklim dapat

dipercepatkan.

"Negara - negara ASEAN, terutamanya ekonomi pesat membangun seperti Malaysia, Indonesia dan Viet Nam, harus meneraju pelaburan hijau dan penggunaan tenaga boleh diperbarui. ASEAN sebagai satu blok mempunyai keupayaan untuk menarik pelabur serta membentuk mekanisme pembiayaan mampan," katanya.

Beliau turut menyatakan bahawa ESCAP kini bekerjasama rapat dengan negara-negara ASEAN dalam memudah cara pembiayaan iklim dan memastikan negara membangun dapat memenuhi Sumbangan Ditentukan Negara (NDC) di bawah Perjanjian Paris.

"Tanggungjawab ini bersifat kolektif dan ASEAN perlu memanfaatkan kekuatan serantau untuk menghantar mesej tegas kepada dunia bahawa rautan ini komited terhadap tindakan iklim," tegasnya.

Alisjahbana berada di Malaysia bagi lawatan kerja selama dua hari mulai 17 Februari 2025, bertemu dengan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming serta Timbalan Ketua Setiausaha (Makro) Kementerian Ekonomi, Dato' V Valluvan. - ©BERNAMA

## Sidang Kemuncak pemimpin Arab bermula di Riyadh, fokus pada pemulihan Gaza

**RIYADH**, 22 Feb. - Para pemimpin Arab berhimpun di Riyadh pada Jumaat bagi membincangkan usaha bersama dalam menyokong perjuangan Palestin dan perkembangan terkini di Semenanjung Gaza, lapor Anadolou Ajansı memetik Agensi Berita Saudi (SPA).

Para pemimpin menyatakan sokongan terhadap Sidang Kemuncak Tergempar Liga Arab yang dijadualkan berlangsung pada 4 Mac di Kaherah.

Mesyuarat itu diadakan atas jemputan Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed bin Salman, dan dihadiri oleh Raja Jordan Raja Abdullah II, Amir Qatar Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani, Presiden Mesir Abdel Fattah Al-Sisi, Presiden Emiriah Arab Bersatu Sheikh Mohammed bin Zayed Al-Nahyan, Amir Kuwait Sheikh Mishal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah dan Putera Mahkota Bahrain Salman bin Hamad Al-Khalifa.

Pertemuan ini berlangsung pada saat kritikal bagi rantau ini susulan laporan mengenai rancangan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump untuk memindahkan penduduk Palestin dari Gaza dan mengambil alih wilayah itu.

Cadangan itu mendapat kecaman hebat dari dunia Arab dan banyak negara lain, yang menganggapnya sebagai tindakan pembersihan etnik.

Para pemimpin bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa, dengan tumpuan utama diberikan kepada perjuangan Palestin dan keadaan di Gaza.

Pada 18 Februari, Kementerian Luar Mesir mengumumkan bahawa Sidang Kemuncak Tergempar Liga Arab yang pada asalnya dijadualkan pada 27 Februari telah ditunda ke 4 Mac atas sebab logistik dan persiapan.

Pada 16 Februari, Al-Sisi mengesahkan bahawa negaranya sedang merangka pelan komprehensif untuk membangunkan semula Gaza tanpa memindahkan penduduknya.

Gaza kini berada dalam keadaan porak-perada selepas perang selama berbulan-bulan.

Gencatan senjata berkuat kuasa bulan lalu, menghentikan serangan Israel yang telah merugut lebih 48,300 nyawa, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## MINI MARATHON : MEMBUDAYAKAN KEHIDUPAN CERGAS, SIHAT



ANTARA pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) yang menyertai Mini Marathon SR YSHHB 2025 yang berlangsung di kawasan sekolah berkenaan (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) mengadakan Mini Marathon SR YSHHB 2025 yang berlangsung di kawasan sekolah berkenaan, di sini.

Acara dimulakan dengan

nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharaan Sultan' dan Lagu Sekolah, diikuti dengan bacaan doa dan sesi senamrobik.

Hampir 1,000 pelajar SR YSHHB dari Tahun 1 hingga Tahun 6 menyertai acara berkenaan yang dibahagikan pada tiga kumpulan, iaitu

Kumpulan 'A' bagi pelajar Tahun 1 dan Tahun 2, Kumpulan 'B' bagi pelajar Tahun 3 dan Tahun 4, manakala Kumpulan 'C' bagi pelajar Tahun 5 dan Tahun 6.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan acara berkenaan, Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Tetamu kehormat majlis juga menyampaikan pingat

kemenangan kepada semua pemenang selepas acara Mini Marathon di dewan sekolah rendah.

Dengan adanya aktiviti seumpama berkenaan diharap dapat menggalakkan pelajar melibatkan diri dengan acara fizikal dan pergerakan badan serta membudayakan kehidupan yang cergas dan sihat.

Selain itu, melatih pelajar

bersaing secara sihat dan selamat serta menjadikannya sebahagian daripada acara tambahan kutipan pingat antara rumah-rumah sukan untuk Hari Sukan SR YSHHB 2025.

Acara Mini Marathon berkenaan adalah salah satu aktiviti yang terkandung dalam aktiviti ko-kurikulum sekolah dan setiap tahun diungkayahkan oleh Unit Ko-Kurikulum sekolah.

## Brunei DPMM FC kalah tipis kepada BG Tampines Rovers



AKSI para pemain pada perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) Musim 2024/2025, yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

**REPUBLIK SINGAPURA**, Ahad, 23 Februari. – Brunei DPMM FC terlepas tiga mata setelah kalah tipis 0 - 1 di tangan BG Tampines Rovers pada saingan Liga

Perdana Singapura (SPL) Musim 2024/2025, yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura di sini.

Pada separuh masa pertama

menyaksikan BG Tampines Rovers lebih menguasai perlawanan dan terus menyerang gawang Brunei DPMM FC dalam usaha memburu gol kemenangan, namun tiada jaringan berjaya diciptakan sehingga wisel penamat separuh masa pertama dibunyikan.

BG Tampines Rovers terus mendominasi

permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan dan akhirnya berjaya membolosi gawang Brunei DPMM FC melalui gol sendiri oleh Damir Muminovic pada minit ke-61.

Permainan semakin rancak dengan kedua-dua pasukan saling mengasak pada masa tambahan tetapi kedudukan 1 - 0 kekal hingga tamat perlawanan, sekali gus memastikan tiga mata penuh milik BG Tampines Rovers.

Sementara itu, satu lagi perlawanan SPL malam tadi menyaksikan Lion City Sailors berpesta gol setelah menewaskan Balestier Khalsa 5 - 1 pada perlawanan yang diadakan di Stadium Bishan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA